

Levy and
payment of
customs
duties.
P.U. (A)
397/77.

Revocation.
P.U. (A)
215/85.

2. For the purpose of the levy and payment of customs duties, in accordance with the provisions of the Customs Duties Order 1978, the value of each of the dutiable goods specified in column 1 and 2 of the Schedule in respect of the unit thereof mentioned in column 3 of the Schedule shall be the value specified in the column 4 of the said Schedule.

3. The Customs (Values) (Palm Kernel, White Pepper and Black Pepper) (No. 5) Order 1985 is revoked.

JADUAL / SCHEDULE

(1) Barang Goods	(2) No. Kepala Heading No.	(3) Unit Unit	(4) Nilai Value
Palm Kernel	12.01 310	per tonne	\$ 955.75
Pepper:			
White	09.04 130 and 09.04 150	per tonne	\$8,469.89
Black	09.04 140 and 09.04 150	per tonne	\$6,813.44

Diperbuat pada 17hb Mei 1985.


Made the 17th May 1985.

[KE. HE. (34.11) 819/04-1 (7); Try. (8.20/116/1-4; PN. (PU) 338/VIII.]

MOHD. SHERIFF BIN MOHD. KASSIM,
Setiausaha,
Bahagian Cukai, Perbadanan
Secretary,
Tax Division, The Treasury



MALAYSIA



Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 29
No. 11

23hb Mei 1985

TAMBAHAN No. 31
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 236.

ORDINAN BINATANG 1953

KAEDAH-KAEDAH PEMERIKSAAN DAGING 1985

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

Kaedah

1. Nama dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Perlantikan pemeriksa-pemeriksa.
4. Kehendak-kehendak kebersihan bagi rumah sembelih.
5. Perkhidmatan pemeriksaan.
6. Pemeriksaan dan penentuan ternakan, karkas, bahagian dan bahannya.
7. Pensampelan dan pemeriksaan makmal.
8. Laporan mengenai daging dalam stor.
9. Fee-fee pemeriksaan.
10. Pelabelan dan penandaan.
11. Pelabelan sebelum meninggalkan rumah sembelih.
12. Penalti.

JADUAL PERTAMA.

JADUAL KEDUA.

JADUAL KETIGA.

JADUAL KEEMPAT.

* Applied to the Fed. Territory of Labuan with extension and modification
See, P.U.(A) 479/65

ORDINAN BINATANG 1953

KAEDAH-KAEDAH PEMERIKSAAN DAGING 1985

17/53. PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen (2) seksyen 86 Ordinan Binatang 1953, Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan mula berkuasa. 1. Kaedah-Kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Pemeriksaan Daging 1985** dan hendaklah mula berkuatakuasa pada suatu tarikh yang ditetapkan oleh Menteri, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi penguatakuasaan bahagian-bahagian atau peruntukan-peruntukan yang berlainan dan bagi bahagian-bahagian yang berlainan di Semenanjung Malaysia.

Tafsiran. 2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“ayam-itik” ertinya ayam ternak, ayam, itik, angsa, ayam belanda, ayam mutiara dan burung merpati dari semua peringkat umur atau jantina;

“boleh dimakan” ertinya dimaksudkan untuk digunakan sebagai makanan manusia;

“daging” ertinya bahagian otot ternakan yang boleh dimakan iaitu otot rangka atau otot yang didapati pada lidah, diafragma, jantung atau esofagus, dengan atau tanpa disertai lemak yang menyeliputinya, berserta dengan bahagian tulang, kulit, urat, saraf, pembuluh darah yang biasanya berserta dengan tisu-tisu otot dan tidak terpisah daripadanya dalam proses penyembelihan, tetapi tidak termasuk otot yang didapati pada bibir, muncung, kulit kepala atau telinga;

“diluluskan” ertinya diluluskan oleh penguasa veterinar;

“kenderaan” termasuklah basikal, kereta tolak, gerabak, truk, trisikal, kereta sorong, alat pengangkut, kenderaan bermotor atau apa-apa pengangkutan lain, atau kotak serah-hantar daging yang digunakan di atas mana-mana kenderaan;

“merebus” ertinya penggunaan haba sama ada dengan pemakaian secara langsung atau tak langsung dalam pemprosesan karkas bagi binatang atau burung;

“pemprosesan” ertinya apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan penyediaan daging atau organ-dalam yang boleh dimakan daripada karkas dan termasuklah kerja-kerja seperti proses penyembelihan, pemotongan, pembersihan, pembuangan tulang, pembungkusan atau apa-apa juar kerja sebagaimana dikehendaki bagi pemprosesan di dalam rumah sembelih;

“pengurus” ertinya orang yang menjalankan operasi atau pengurusan sebuah rumah sembelih;

“perkakas” termasuklah apa-apa jentera, peralatan, radas, alat-perkakas, alat-cara, alat, kayu, pembungkus, tong kecil, tin, kotak, bungkus, bakul, tong, kontena, bekas atau apa-apa barang lain yang digunakan atau jelas digunakan bagi maksud atau yang berhubungan dengan sesuatu rumah sembelih;

“pemeriksa” ertinya seseorang pemeriksa yang dilantik di bawah kaedah 3;

“premis” termasuklah mana-mana tempat atau kenderaan;

“proses penyembelihan”—

(a) berhubungan dengan ternakan yang telah disembelih kecuali babi dan ayam-itik, ertinya pemisahan kepala, belulang atau kulit, visera (termasuk atau tidak termasuk ginjal), organ-organ genital, pundi-pundi kencing dan kaki hingga ke sendi-sendi karpus dan tarsus, dan kelenjar-kelenjar susu bagi binatang-binatang yang bersusu, binatang-binatang yang telah beranak atau yang hampir beranak;

(b) berhubungan dengan babi yang telah disembelih, ertinya pemisahan buku dan bulu kejur, buku, bibir mata, visera (termasuk atau tidak termasuk ginjal), organ-organ genital dan pundi-pundi kencing; dan

(c) berhubungan dengan ayam-itik yang telah disembelih, ertinya pemisahan bulu pelepah, kepala, kaki, kelenjar minyak, visera, organ-organ pembiakan yang matang, dan dengan atau tanpa giblet.

“residu biologi” ertinya apa-apa bahan; termasuklah metabolit, yang tinggal dalam binatang atau burung pada masa penyembelihan akibat daripada rawatan atau pendedahan binatang atau burung itu kepada pestisid, bahan serupa hormon, penyubur pertumbuhan, antibiotik, ubat penenteram, agen terapi atau agen profilaktik yang lain;

“rumah sembelih” ertinya mana-mana tempat, yang disediakan atau digunakan bagi penyembelihan apa-apa ternakan bagi makanan manusia dan termasuklah mana-mana tempat yang berkaitan atau yang dipunyai oleh mana-mana rumah sembelih yang digunakan bagi—

(a) menyimpan atau menyusun ternakan yang dicadang untuk disembelih di situ;

(b) mengendalikan karkas atau mana-mana bahagiannya daripada ternakan;

(c) penyediaan atau pengilangan lemak binatang;

(d) menyimpan atau menstorkan belulang, kulit atau tulang; atau

(e) merebus atau selainnya melupuskan organ-dalam, tetapi tidak termasuk suatu tempat di mana ternakan disembelih oleh mana-mana orang semata-mata bagi makanan manusia oleh orang itu, anggota keluarganya, atau pekerjanya sendiri, dengan syarat, karkas, daging atau bahannya adalah tidak dijual;

“tak boleh dimakan” ertinya diadukkan, tidak diperiksa, atau tidak dimaksudkan untuk digunakan sebagai makanan manusia;

“tak layak bagi makanan manusia” termasuklah tidak sihat, tidak selamat, tidak sesuai dimakan, atau tak layak bagi makanan manusia disebabkan oleh penyakit, kecacatan, kerendahan mutu, keadaan abnormal, putrefaksi, pereputan, emiasi, atau kerana

pendedahan kepada pencemaran oleh abuk, lalat, serangga, vermin, binatang atau pendedahan kepada pencemaran oleh racun serangga yang membawa maut atau dengan apa-apa jua cara lain;

“ternakan” erti mana-mana lembu, kerbau, biri-biri, kambing, babi, ayam-itik, dan mana-mana binatang atau burung lain yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* sebagai ternakan dalam erti Kaedah-Kaedah ini.

3. Bagi maksud-maksud Kaedah-Kaedah ini Ketua Pengarah boleh melantik mana-mana pengusa veterinar sebagai pemeriksa.

4. (1) Sesebuah rumah sembelih hendaklah memenuhi kehendak-kehendak kebersihan iaitu termasuk infrastruktur, struktur, kemudahan-kemudahan dan prosedur-prosedur operasi sebagai mana ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Bagi maksud Kaedah-Kaedah ini, Ketua Pengarah hendaklah mengkelaskan rumah-rumah sembelih seperti berikut

(a) *Rumah Sembelih Kelas A*, sekiranya penyembelihan ternakan itu sebahagiannya atau kesemuanya adalah bagi maksud-maksud eksport;

(b) *Rumah Sembelih Kelas B*, sekiranya penyembelihan harian ternakan melebihi sepuluh ekor lembu atau kerbau atau kambing atau biri-biri, atau seratus ekor babi, atau lima ribu ekor ayam-itik; atau

(c) *Rumah Sembelih Kelas C*, sekiranya penyembelihan harian ternakan ialah sebanyak sepuluh ekor lembu atau kerbau atau kambing atau biri-biri atau kurang, atau seratus ekor babi atau kurang, atau lima ribu ekor ayam-itik atau kurang.

5. Bagi maksud membolehkan perkhidmatan pemeriksaan daging dijalankan di sesebuah rumah sembelih, pengurus hendaklah mematuhi prosedur-prosedur dan perkiraan-perkiraan sebagaimana ditetapkan dalam Jadual Kedua.

6. Semua pemeriksaan dan penentuan ternakan, karkas, bahagian dan bahannya hendaklah dijalankan dengan cara sebagaimana ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

7. (1) Seseorang pemeriksa boleh pada bila-bila masa yang munasabah memasuki mana-mana rumah sembelih dan mengambil atau menyebabkan diambil dari rumah sembelih itu sampel-sampel daging atau organ-dalam bagi analisis atau pemeriksaan makmal.

(2) Sekiranya sampel-sampel tersebut diambil menurut perenggan (1), tiga sampel bagi daging atau organ-dalam tersebut yang mempunyai quantiti yang lebih kurang sama hendaklah dikumpulkan, dimeterai, dilabel dan diberi tarikh oleh pemeriksa yang hendaklah juga menurunkan tandatangananya di atas tiap-tiap sampel itu. Satu daripada sampel itu hendaklah disimpan oleh pengurus rumah sembelih, dan dua sampel yang lain hendaklah diambil oleh pemeriksa. Pemeriksa itu hendaklah menghantar satu sampel untuk analisis atau pemeriksaan makmal dan menyimpan sampel yang lagi satu itu.

Perlantikan
pemeriksa-
pemeriksa.

Kehendak-
kehendak
kebersihan
bagi rumah
sembelih.

Perkhidmatan
pemeriksaan.

Pemeriksaan
dan penentuan
ternakan,
karkas,
bahagian dan
bahannya.

Pensampelan
dan
pemeriksaan
makmal.

(3) Sekiranya pemeriksa menghendaki lebih banyak sampel bagi daging atau organ-dalam tersebut bagi analisis atau pemeriksaan makmal, pengurus itu hendaklah menyediakan baginya dengan sampel-sampel tersebut, melainkan jika pemeriksa berpuas hati bahawa lebih banyak sampel tidak boleh didapat.

(4) Hasil daripada keputusan-keputusan yang diperolehi dari analisis atau pemeriksaan tersebut tidak boleh digunakan untuk mengiklankan mana-mana rumah sembelih atau daging yang telah diproses di dalamnya.

(5) Sekiranya sebagai suatu hasil daripada mana-mana analisis atau pemeriksaan sampel-sampel bagi mana-mana daging atau organ-dalam yang digunakan dalam pemprosesannya di bawah Kaedah-Kaedah ini, seseorang pemeriksa berpendapat bahawa daging atau organ-dalam tersebut ber kemungkinan akan menyebabkan penyakit atau selainnya tak layak bagi makanan manusia, dia boleh mengarahkan pengurus rumah sembelih yang darinya sampel-sampel itu diambil untuk mengambil apa-apa langkah atau membuat dan melaksanakan apa-apa tindakan dan perkara-perkara sepertinya, yang pada pendapatnya, adalah perlu supaya menyebabkan daging atau organ-dalam tersebut layak untuk makanan manusia.

(6) Apa-apa caj atau fee yang dikenakan bagi analisis atau pemeriksaan makmal di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah ditanggung oleh pengurus rumah sembelih.

8. Pemeriksa hendaklah memeriksa dengan teliti semua daging yang distorkan di dalam tempat penyejuk dan tempat pembeku mana-mana rumah sembelih dan mengemukakan kepada Ketua Pengarah suatu laporan bagi tiap-tiap enam bulan mengenai keputusan sesuatu pemeriksaan itu.

Laporan
mengenai
daging
dalam stor.

9. Fee yang kena dibayar oleh tuan punya ternakan yang di sembelih dan diperiksa di rumah sembelih di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah sebagaimana ditetapkan dalam Jadual Keempat.

Fee
pemeriksaan.

10. (1) Tiap-tiap karkas yang telah menjalani proses penyembelihan atau bahagian daripadanya yang diluluskan bagi makanan manusia dalam sesebuah rumah sembelih menurut Kaedah-Kaedah ini hendaklah, dengan cara menggunakan cap logam, ditandakan dengan suatu tanda yang dipanggil “legenda pemeriksaan” sebagaimana ditetapkan oleh Ketua Pengarah dari semasa ke semasa.

Pelabelan dan
penandaan.

(2) Legenda pemeriksaan hendaklah ditandakan di atas kedua-dua belah karkas itu ketika ianya masih berada di rumah sembelih dan ianya hendaklah juga ditandakan sedemikian itu oleh seorang pemeriksa atau seseorang yang berada di bawah pengawasannya.

(3) Legenda pemeriksaan tidak boleh digunakan atas mana-mana daging yang tak boleh dimakan.

(4) Tiap-tiap jenama, cap atau alat yang menunjukkan legenda pemeriksaan itu hendaklah apabila tidak digunakan disimpan dengan dikunci di dalam loker yang disediakan bagi maksud tersebut.

Pelabelan
sebelum
meninggalkan
rumah
sembelih.

(5) Bagi maksud perenggan (1), hanya dakwat atau bahan pen-celup yang diluluskan oleh Ketua Pengarah sahaja yang boleh digunakan.

11. (1) Tiap-tiap bungkusan dan kontena bagi daging atau organ-dalam yang boleh dimakan sebelum meninggalkan rumah sembelih hendaklah dengan cara yang selamat dilabelkan atau selainnya ditandakan di atasnya dengan—

- (a) satu perihal mengenai kandungannya yang benar dan betul;
- (b) berat bersih atas isi padu mengikut mana yang berkenaan; dan
- (c) legenda pemeriksaan.

(2) Maklumat yang dikehendaki di bawah perenggan (1) hendaklah ditandakan dengan jelas di atas panel utama bungkusan atau kontena itu, atau selainnya sebagaimana dibenarkan oleh Ketua Pengarah, dan hendaklah dalam saiz yang boleh dibaca dengan mudah.

(3) Sekiranya Ketua Pengarah berpuas hati bahawa adalah tidak boleh untuk menandakan suatu bungkusan atau kontena sebagaimana dikehendaki di bawah perenggan (2), pemeriksa pengelola boleh membenarkan penggunaan tanda nama yang hendaklah dilekatkan dengan kuat kepada kontena atau bungkusan itu.

(4) Sekiranya daging itu dimaksudkan untuk dihantar ke luar Malaysia, maklumat yang dikehendaki di bawah perenggan (1) yang akan dipakai kepada kontena atau bungkusan itu, dengan dikecualikan legenda pemeriksaan, boleh dicetak dalam bahasa negara pengimport itu.

(5) Tidak ada kerja, gambar atau rekabentuk yang memberikan tanggapan palsu atau mengelirukan berkenaan dengan kandungan, kuantiti, berat, cara atau tarikh pengilangan atau tempat asal bagi kandungan itu yang boleh digunakan atas mana-mana bungkusan atau kontena.

(6) Saiz legenda pemeriksaan dan bahan lain yang dikehendaki untuk dipakai kepada sesuatu bungkusan atau kontena hendaklah yang dengannya perkataan-perkataan dan nama rumah sembelih yang bertulis di atasnya itu mudah dibaca.

(7) Kecuali sebagaimana dibenarkan oleh Kaedah-Kaedah ini legenda pemeriksaan tidak boleh ditukar dengan apa-apa juga cara; ia hendaklah terpisah daripada, dan tidak boleh menjadi suatu bahagian yang penting bagi, mana-mana paten atau rekabentuk khas di atas bungkusan atau kontena itu.

12. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan-peruntukan Kaedah-Kaedah ini adalah bersalah atas suatu kesalahan dan jika disabitkan akan dikenakan denda tidak lebih daripada satu ratus ringgit, dan dalam hal sekiranya suatu kesalahan itu dilakukan berterusan denda sebanyak tidak lebih dari-pada dua puluh ringgit akan dikenakan bagi tiap-tiap hari kesalahan itu dilakukan berterusan.

Penalti.

JADUAL PERTAMA
(Kaedah 4)

KEHENDAK-KEHENDAK KEBERSIHAN BAGI
RUMAH SEMBELIH

BAHAGIAN I

KEHENDAK-KEHENDAK STRUKTUR DAN FIZIKAL

SEKSYEN A
Prinsip-Prinsip Am

1. Tiap-tiap rumah sembelih hendaklah diletakkan di suatu tempat supaya bangunan itu dan kawasan sekitarnya sentiasa dengan munasabahnya bebas daripada bau busuk, asap, abuk atau pencemaran-pencemaran lain.
2. Rumah sembelih itu hendaklah mempunyai saiz yang mencukupi bagi tujuan yang dicadangkan tanpa penuh sesak dengan kelengkapan atau kakitangannya.
3. Rumah sembelih itu hendaklah direkabentuk sebegini rupa supaya dapat melindungi pengendalian penyembelihan daripada cuaca buruk, abuk dan punca-punca pencemaran yang lain.
4. Rumah sembelih hendaklah direkabentuk dan dibina sedemikian rupa untuk memudahkan pembersihan dan disin-feksi.
5. Rumah sembelih hendaklah juga mempunyai pembinaan yang baik dan sentiasa disenggarakan dalam keadaan baik.

SEKSYEN B

Rumah Sembelih Kelas A

1. Rumah sembelih ini hendaklah terpisah dan berlainan daripada mana-mana rumah sembelih yang lain melainkan jika dibenarkan selainnya oleh Ketua Pengarah.
2. Tidak ada bahagian daripada rumah sembelih itu yang boleh digunakan sebagai tempat kediaman melainkan jika ianya dipisahkan secara kekal dan dengan secukupnya oleh lantai, dinding dan siling batu, konkrit atau bahan yang sama daripada bahagian baki rumah sembelih itu dan tiada laluan langsung atau tak langsung dari tempat kediaman itu ke arah mana-mana bahagian lain rumah sembelih itu.
3. Bilik persalinan, tandas dan bilik air hendaklah mencukupi, dilengkapi dengan sepenuhnya dan dijaga kebersihannya dengan mendapat pencahayaan dan pengudaraan yang mencukupi, dan hendaklah sepenuhnya terpisah daripada mana-mana bilik atau petak yang digunakan bagi penstoran atau pengeluaran daging.
4. Lantai, dinding sekat, tiang, pintu dan bahagian-bahagian lain bagi semua struktur hendaklah dari sesuatu bahan, binaan dan kemasan yang akan menjadikannya kedap, tak serap air dan senang untuk disediakan dan dibersihkan dengan

- sempurnanya; dan dinding dan sekatan hendaklah disediakan dengan ketinggian yang tidak kurang daripada lapan kaki dari lantai.
5. Lantai hendaklah tidak retak dan tidak mcrekah dan hendaklah curam dengan secukupnya untuk membolehkan cecair dialirkan ke saliran alir keluar yang dilindungi oleh jeriji; dan sudut-sudut di antara dinding-dinding dan sudut-sudut pada dinding dengan penjuru lantai hendaklah dilengkungkan.
 6. Bilik-bilik dan petak-petak yang digunakan bagi bahan-bahan yang boleh dimakan hendaklah dipisahkan dan berlainan dengan bilik-bilik dan petak-petak lain yang digunakan bagi bahan-bahan yang tak boleh dimakan.
 7. Rumah sembelih hendaklah mempunyai kemudahan-kemudahan penyejukan termasuk kemudahan-kemudahan pembeku sekiranya perlu, bagi penstoran daging dan organ-dalam yang boleh dimakan.
 8. Susur hendaklah disediakan dan ditempatkan sebegini rupa supaya apa-apa hasil yang terdedah tidak bersentuhan dengan lantai, tiang, dinding dan bahagian-bahagian lekapan lain bangunan itu, atau dengan pipa-pipa, kotak-kotak, dan kontena-kontena lain yang dibawa melalui kawasan simpanan dan kawasan operasi; dan bahan-bahan yang terdedah tidak boleh diletakkan atau distorkan di sebelah bawah karkas dalam kawasan penyejuk atau kawasan simpanan.
 9. Rumah sembelih hendaklah mendapat pencahayaan dan pengudaraan yang mencukupi, dan semua kelengkapan hendaklah daripada sesuatu bahan dan binaan yang akan memudahkan kerja pembersihan dengan sempurnanya.
 10. Bekalan air bagi tiap-tiap rumah sembelih hendaklah banyak, bersih dan boleh diminum; hendaklah ada kemudahan-kemudahan bagi perlindungannya terhadap pencemaran dan pengotoran, dan hendaklah juga ada kemudahan-kemudahan bagi menyediakan bekalan air yang cukup yang mempunyai suhu sekurang-kurangnya 83°C bagi maksud-maksud pembersihan dan pensterilan.
 11. Kecuali dalam hal sekiranya kelengkapan berat seperti tangki pencelur, semua peralatan, alat dan kelengkapan yang digunakan dalam penyediaan daging atau organ-dalam yang boleh dimakan hendaklah dibuat daripada bahan tahan-karat setakat mana yang ianya bolch dipraktikkan.
 12. Truk dan bekas yang digunakan bagi daging yang tak boleh dimakan atau daging yang dikondem hendaklah daripada sesuatu bahan dan binaan yang senang dibersihkan dengan sempurnanya dan hendaklah mempunyai tanda yang ketara dan menampakkan perbezaan supaya dapat menunjukkan bahawa truk dan bekas itu tidak boleh digunakan bagi daging atau organ-dalam yang boleh dimakan.
 13. Meja lapah dan meja kerja hendaklah daripada suatu reka-bentuk yang boleh diterima, dan bahagian atasnya hendaklah dibina daripada satu bahan tahan-karat, kedap, tak serap air dan mudah untuk disediakan dan dibersihkan dengan sempurnanya.

14. Kayu landasan dan alas pembuang tulang hendaklah dibuat dari bahan yang keras, tahan-karat, tiada toksik, mudah untuk dibersihkan dan didisinfeksikan, dan tidak membawa bau atau rasa dan permukaannya hendaklah licin, kedap dan tidak berlubang-lubang dan tidak merekah.
15. Semua kawasan berpagar dan kandang yang digunakan berkaitan dengan sesebuah rumah sembelih hendaklah dibina dan dilengkapkan dengan sesuainya; kandang, lorong kecil dan landasan hendaklah mempunyai permukaan yang keras dan hendaklah mempunyai sambungan hos dan kemudahan saliran yang mencukupi bagi maksud-maksud pembersihan.
16. Rumah sembelih hendaklah mempunyai kemudahan-kemudahan bagi mengasingkan ternakan yang sihat daripada ternakan yang menunjukkan simptom-simptom dijangkiti penyakit atau disyaki telah dijangkiti penyakit.
17. Tiap-tiap rumah sembelih hendaklah dilengkapkan dengan kemudahan-kemudahan yang mencukupi bagi memasukkan ke dalam tangki bahan-bahan yang tak boleh dimakan atau yang dikondem, dan kemudahan-kemudahan itu hendaklah diletakkan di bahagian yang dikhaskan bagi bahan-bahan yang tak boleh dimakan di rumah sembelih itu.
18. Tangki, tempat pengering baja, dan kelengkapan lain yang digunakan bagi menyediakan bahan-bahan yang tak boleh dimakan hendaklah dilengkapkan dengan sempurnanya dengan kondenser dan perkakas-perkakas lain yang akan menahan bau yang datangnya daripada penyediaan itu dengan memuaskan, dan mencegahnya daripada memasuki bahagian yang dikhaskan bagi bahan-bahan yang boleh dimakan di rumah sembelih itu.
19. Rumah sembelih hendaklah mempunyai bilik, petak atau ruang khas bagi penempatan bahan-bahan yang ditahan dan hendaklah diberi pencahayaan yang secukupnya, disediakan dengan kemudahan-kemudahan penyejukan dan pembekuan dan hendaklah juga dibina sedemikian rupa untuk memudahkan kerja pembersihan dan disinfeksi.
20. Pemeriksa yang terlibat dengan tugas-tugas pemeriksaan post-mortem hendaklah disediakan dengan ruang kerja yang mencukupi di tempat penyembelihan.
21. Sekiranya Ketua Pengarah memikirkan perlu, rumah sembelih hendaklah mempunyai ruang pejabat yang dilengkapkan dengan sesuainya bagi kegunaan khas pemeriksa pengelola dan kakitanganinya, dan hendaklah mendapat pengudaraan dan pencahayaan yang mencukupi, dan perkhidmatan menjaga dan membersih; ruang pejabat itu hendaklah sesuai tempatnya, hendaklah dilengkapkan dengan kemudahan bilik mencuci yang bersebelahan, dan disediakan dengan loker-loker yang sesuai bagi perlindungan dan penstoran barang-barang kepunyaan pemeriksa dan juga bagi bekalan-bekalan yang digunakan olehnya.

SEKSYEN C**Rumah Sembelih Kelas B**

1. Rumah sembelih ini hendaklah terpisah dan berlainan daripada mana-mana rumah sembelih yang lain melainkan jika dibenarkan selainnya oleh Ketua Pengarah.
2. Tidak ada bahagian daripada rumah sembelih itu yang boleh digunakan sebagai tempat kediaman melainkan jika ianya dipisahkan secara kekal dan dengan secukupnya oleh lantai, dinding dan siling bata, konkrit atau bahan yang sama daripada bahagian baki rumah sembelih itu dan tiada laluan langsung atau tak langsung dari tempat kediaman itu ke arah mana-mana bahagian lain rumah sembelih itu.
3. Bilik persalinan, tandas dan bilik air hendaklah mencukupi, dilengkappan dengan sepenuhnya dan dijaga kebersihannya dengan mendapat pencahayaan dan pengudaraan yang mencukupi, dan hendaklah keseluruhannya terpisah daripada mana-mana bilik atau petak yang digunakan bagi penstoran dan pengcluaran daging.
4. Lantai, dinding sekat, tiang, pintu dan bahagian-bahagian lain bagi semua struktur hendaklah dari sesuatu bahan, binaan dan kemasan yang akan menjadikannya kedap, tak serap air dan mudah untuk disediakan dan dibersihkan dengan sempurnanya; dan dinding dan sekat-hendaklah disediakan dengan ketinggian yang tidak kurang daripada lapan kaki dari lantai.
5. Lantai hendaklah tidak retak dan tidak merekah dan hendaklah curam dengan secukupnya supaya air dan pengaliran mengalir ke saliran-saliran terbuka yang disediakan di sepanjang dinding; dan sudut-sudut di antara dinding-dinding dan sudut-sudut pada dinding dengan penjurul lantai hendaklah dilengkungkan.
6. Bilik-bilik dan petak-petak yang digunakan bagi bahan-bahan yang boleh dimakan hendaklah dipisahkan dan berlainan daripada bilik-bilik dan petak-petak lain yang digunakan bagi bahan-bahan yang tak boleh dimakan.
7. Rumah sembelih hendaklah disusunatur dan dilengkappan sebegini rupa supaya dapat memastikan daging tidak bersentuhan dengan lantai, dinding dan struktur lekapan lain kecuali bagi struktur lekapan lain yang direkabentuk dengan khas supaya ianya bersentuhan dengan daging.
8. Rumah sembelih hendaklah mendapat pencahayaan dan pengudaraan yang mencukupi, dan semua kelengkapan hendaklah daripada sesuatu bahan dan binaan yang akan memudahkan kerja-kerja pembersihan dengan sempurnanya.
9. Bekalan air bagi tiap-tiap rumah sembelih hendaklah banyak, bersih dan boleh diminum, dan hendaklah ada kemudahan-kemudahan bagi perlindungannya terhadap pencemaran dan pengotoran.

10. Kecuali dalam hal sekiranya kelengkapan berat seperti tangki pencelur, semua peralatan, alat dan kelengkapan yang digunakan dalam penyediaan daging atau organ-dalam yang boleh dimakan hendaklah dibuat daripada bahan tahan-karat setakat mana yang ianya boleh dipraktikkan.
11. Truk dan bekas yang digunakan bagi daging yang tak boleh dimakan atau daging yang dikondem hendaklah daripada sesuatu bahan dan binaan yang senang dibersihkan dengan sempurnanya dan hendaklah mempunyai tanda yang ketara dan menampakkan perbezaan supaya dapat menunjukkan bahawa truk dan bekas itu tidak boleh digunakan bagi daging atau organ-dalam yang boleh dimakan.
12. Meja lapah dan meja kerja hendaklah daripada suatu reka bentuk yang boleh diterima, dan bahagian atasnya hendaklah dibina daripada suatu bahan tahan-tahan, kedap, tak serap air dan mudah untuk disediakan dan dibersihkan dengan sempurnanya.
13. Kayu landasan dan alas pembuang tulang hendaklah dibuat daripada bahan yang keras, tahan-karat, tiada toksik dan mudah untuk dibersihkan dan didisinfeksi, dan tidak membawa bau atau rasa dan permukaannya hendaklah licin, kedap dan tidak berlubang-lubang dan tidak merekah.
14. Semua kawasan berpagar dan kandang yang digunakan berkaitan dengan sesebuah rumah sembelih hendaklah dibina dan dilengkappan dengan sesuainya; kandang, lorong kecil dan landasan hendaklah mempunyai permukaan yang keras dan hendaklah mempunyai sambungan hos dan kenuudahan-kemudahan saliran yang mencukupi bagi maksud-maksud pembersihan.
15. Rumah sembelih hendaklah setakat mana yang boleh dipraktikkan mempunyai kemudahan-kemudahan bagi mengasingkan ternakan yang sihat daripada ternakan yang menunjukkan simptom-simptom dijangkiti penyakit atau disyaki telah dijangkiti penyakit.
16. Pemeriksa yang terlibat dengan tugas-tugas pemeriksaan post-mortem hendaklah disediakan dengan ruang kerja yang mencukupi di tempat penyembelihan.
17. Sekiranya Ketua Pengarah memikirkan perlu, rumah sembelih hendaklah mempunyai ruang pejabat yang dilengkappan dengan sesuainya bagi kegunaan khas pemeriksa pengelola dan kakitangannya, dan hendaklah mendapat pengudaraan dan pencahayaan dan perkhidmatan menjaga dan membersih yang mencukupi; ruang pejabat itu hendaklah sesuai tempatnya, hendaklah dilengkappan dengan kemudahan bilik mencuci yang bersebelahan, dan disediakan dengan loker-loker yang sesuai bagi perlindungan dan penstoran barang-barang kepunyaan pemeriksa dan juga bagi bekalan-bekalan yang digunakan olehnya.

SEKSYEN D**Rumah Sembelih Kelas C**

1. Rumah sembelih ini hendaklah terpisah dan berlainan dari pada mana-mana rumah sembelih yang lain melainkan jika dibenarkan selainnya oleh Ketua Pengarah.
2. Tidak ada bahagian daripada rumah sembelih itu yang boleh digunakan sebagai tempat kediaman melainkan jika ianya dipisahkan secara kekal dan dengan secukupnya oleh lantai, dinding dan siling bata, konkrit atau bahan yang sama daripada bahagian baki rumah sembelih itu dan tiada laluan langsung atau tak langsung dari tempat kediaman itu ke arah mana-mana bahagian lain rumah sembelih itu.
3. Bilik persalinan, tandas dan bilik air hendaklah mencukupi, dilengkapi sepenuhnya dan dijaga kebersihannya dan mendapat pencahayaan dan pengudaraan yang mencukupi, dan hendaklah keseluruhannya terpisah daripada mana-mana bilik atau petak yang digunakan bagi penstoran atau penge-luaran daging.
4. Lantai dan dinding sekat hendaklah daripada bahan yang akan menjadikannya kedap, tak serap air dan mudah untuk disediakan dan dibersihkan dengan sempurnanya.
5. Lantai hendaklah tidak retak dan tidak merckah dan hendaklah curam dengan secukupnya supaya cecair boleh mengalir ke arah saliran yang terbuka.
6. Bilik-bilik dan petak-petak yang digunakan bagi bahan-bahan yang boleh dimakan hendaklah dipisahkan dan berlainan daripada bilik-bilik dan petak-petak bagi bahan-bahan yang tak boleh dimakan.
7. Rumah sembelih hendaklah disusunatur dan dilengkapi sebegini rupa untuk memastikan bahawa daging tidak akan bersentuhan dengan lantai, dinding atau struktur lekapan lain kecuali rumah sembelih yang direkabentuk dengan khas supaya ianya bersentuhan dengan daging.
8. Rumah sembelih hendaklah mendapat pencahayaan dan pengudaraan yang mencukupi, dan semua kelengkapan hendaklah daripada sesuatu bahan dan binaan yang akan memudahkan kerja-kerja pembersihan dengan sempurnanya.
9. Bekalan air bagi tiap-tiap rumah sembelih hendaklah banyak, bersih dan boleh diminum, dan hendaklah ada kemudahan-kemudahan yang cukup bagi perlindungannya terhadap pencemaran dan pengotoran.
10. Kecuali dalam hal sekiranya kelengkapan berat seperti tangki pencelur, semua peralatan, alat dan kelengkapan yang digunakan dalam penyediaan daging atau organ-dalam yang boleh dimakan hendaklah dibuat daripada bahan tahan-karat setakat mana yang ianya boleh diperaktikkan.
11. Truk dan bekas yang digunakan bagi daging yang tak boleh dimakan atau daging yang dikondem hendaklah daripada sesuatu bahan dan binaan yang senang dibersihkan dengan sempurnanya dan hendaklah mempunyai tanda yang ketara

dan menampakkan perbezaan supaya dapat menunjukkan bahawa truk dan bekas itu tidak boleh digunakan bagi daging atau organ-dalam yang boleh dimakan.

12. Meja lapah dan meja kerja hendaklah daripada suatu rekabentuk yang boleh diterima, dan bahagian atasnya hendaklah dibina daripada suatu bahan tahan-karat, kedap, tak serap air dan mudah untuk disediakan dan dibersihkan dengan sempurnanya.
13. Kayu landasan dan alas pembuang tulang hendaklah dibuat daripada bahan yang keras, tahan-karat, tiada toksik, mudah untuk dibersihkan dan didisinfeksikan, dan tidak membawa bau atau rasa dan permukaannya hendaklah licin, kedap dan tidak berlubang-lubang dan tidak merekah.
14. Kemudahan-kemudahan hendaklah disediakan untuk berehat dan untuk pemeriksaan veterinar bagi ternakan sebelum disembelih.
15. Rumah sembelih hendaklah setakat mana yang boleh dipraktikkan mempunyai kemudahan-kemudahan bagi mengasingkan ternakan yang sihat daripada ternakan yang menunjukkan simptom-simptom dijangkiti penyakit atau yang disyaki telah dijangkiti penyakit.
16. Pemeriksa yang terlibat dengan tugas-tugas pemeriksaan post-mortem hendaklah disediakan dengan ruang kerja yang mencukupi di tempat penyembelihan.

BAHAGIAN II**KEHENDAK-KEHENDAK KENDALIAN**

1. Kawasan berpagar dan kandang dalam rumah sembelih hendaklah sentiasa bersih dan hendaklah didisinfeksikan sekurang-kurangnya satu kali setahun dan pada bila-bila masa yang lain sebagaimana ditentukan oleh pemeriksa pengelola.
2. Tidak ada ternakan yang telah memasuki kawasan berpagar atau kandang di rumah sembelih boleh dipindahkan tanpa kebenaran secara bertulis daripada pemeriksa pengelola.
3. Kawasan berpagar atau kandang di premis rumah sembelih tidak boleh digunakan bagi apa-apa maksud lain selain daripada bagi menahan ternakan sebelum disembelih.
4. Tidak ada binatang atau burung yang boleh dibenarkan masuk ke dalam mana-mana kawasan pemprosesan.
5. Tindakan pencegahan yang boleh diperaktikkan hendaklah diambil untuk menyenggara rumah sembelih supaya tidak ada lalat, lipas, tikus, tikus kasturi dan vermin-vermin lain.
6. Semua bilik di mana daging disediakan atau ditempatkan hendaklah dikikis, diberus, dibersihkan atau dicat sebagaimana difikirkan perlu oleh pemeriksa pengelola, dan semua kemudahan yang perlu bagi membersihkannya hendaklah disediakan.

7. Semua bilik hendaklah sentiasa, setakat mana yang boleh, tidak terdapat stim dan wap; bilik penyejukan dan bilik pendingin hendaklah sentiasa tidak terdapat lembapan yang berlebihan.
8. Bilik-bilik dan petak-petak yang di dalamnya apa-apa bahan disediakan atau dikendalikan hendaklah tidak ada abuk dan bau daripada bilik persalinan dan bilik air, besen penahan, bilik belulang, bilik kasing, tangki daging yang tak boleh dimakan, bilik penyejuk dan kandang ternakan.
9. Semua peralatan, alat, kelengkapan dan kontena yang digunakan dengan apa jua cara dalam penyediaan daging hendaklah dibersihkan sebelum digunakan sehingga memuaskan hati pemeriksa pengelola.
10. Kertas atau bahan-bahan lain tidak boleh digunakan secara sentuhan langsung dengan perapihan, organ dan ketulan potongan daging yang dibekukan, melainkan jika ianya adalah dari suatu jenis yang tidak berpecah-pecah daripada pendedahan kepada lembapan daripada daging dan ianya tetap tidak rosak supaya dengan itu ianya senang dan dengan sempurna dapat dipisahkan daripada daging apabila dicairkan; kertas atau bahan-bahan lain yang boleh meninggalkan kepada daging itu apa-apa bahan kimia atau bahan tercemar lain yang digunakan dalam pemprosesannya tidak boleh digunakan.
11. Semua pisau, gergaji atau alat lain yang telah bersentuhan dengan bahan berpenyakit atau bahan yang dijangkiti hendaklah disterilkan sebelum sahaja ianya digunakan semula.
12. Apabila, pada pendapat seseorang pemeriksa apa-apa alat, kelengkapan, bilik atau petak tidak bersih atau penggunaannya akan menjadi pelanggaran kepada mana-mana Kaedah-Kaedah ini, dia hendaklah mengenalpastinya dengan menggunakan tanda nama atau dengan apa-apa cara pengenalan lain, tidak ada kelengkapan, alat, bilik atau petak yang dienalpasti sedemikian itu boleh digunakan lagi sehingga ianya dijadikan boleh diterima, dan tidak ada tanda pengenalan itu yang boleh dibuang oleh mana-mana orang kecuali oleh seorang pemeriksa.
13. Langkah berhati-hati hendaklah diambil bagi mencegah pencemaran daging daripada perpeluh, rambut, alat solek, bahan ubat dan yang seumpamanya.
14. Pintu-pintu bilik, petak atau ruang yang disediakan bagi penempatan daging yang ditahan atau dikondem di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah dipasang dengan kunci yang diluluskan oleh pemeriksa pengelola; dan kunci tersebut dan anak kuncinya hendaklah diletakkan dalam jagaan pemeriksa pengelola.
15. Tidak ada orang yang boleh memeterai atau memecahkan meterai mana-mana tangki yang digunakan bagi menyimpan daging yang tak boleh dimakan atau daging yang dikondem melainkan jika dibenarkan oleh seseorang pemeriksa.

16. Daging atau organ-dalam yang boleh dimakan yang diedarkan daripada rumah sembelih hendaklah dilindungi oleh penutup supaya dapat memberikan perlindungan yang secukupnya kepada bahan itu terhadap abuk, kekotoran, serangga atau lain-lain yang seumpama denganannya, dengan memberi perhatian kepada cara yang dimaksud untuk digunakan bagi mengangut bahan-bahan itu dari rumah sembelih, jarak jauh ke tempat mana bahan-bahan itu akan diangut, dan destinasi hasil-hasil itu.
17. Daging atau organ-dalam yang boleh dimakan tidak boleh diangut dari rumah sembelih melainkan jika gerabak-gerabak keretapi, kenderaan-kenderaan atau ruang-ruang lain yang di dalamnya daging atau organ-dalam itu akan diangut telah dibersihkan sehingga memuaskan hati pemeriksa dan telah dilengkapkan dengan sesuainya bagi pengendalian daging.
18. Tidak ada orang yang terkena dengan suatu penyakit berjangkit pada peringkat yang boleh berjangkit, atau diketahui sebagai pembawa penyakit tersebut, atau sekiranya terkena bisul, kudis, luka yang berjangkit, atau punca-punca abnormal lain kerana pencemaran mikrobiologi yang akan terlibat dengan pengendalian atau penyediaan mana-mana daging, dan tiap-tiap pekerja hendaklah mengemukakan suatu perakuan perubatan tentang kesihatan pada bila-bila masa jika dikehendaki oleh seseorang pemeriksa; pekerja-pekerja hendaklah mematuhi apa-apa kaedah am bagi kebersihan sebagaimana ditetapkan oleh pemeriksa pengelola.
19. Tiap-tiap pekerja rumah sembelih hendaklah diperiksa sekurang-kurangnya satu kali setahun oleh seorang pengamal perubatan berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971.
20. Penutup-penutup yang digunakan oleh orang atau pekerja untuk melindungi pakaian mereka hendaklah dari bahan yang berwarna cerah dan senang dibersihkan; garmen yang bersih hendaklah dipakai pada permulaan tiap-tiap hari kerja dan garmen hendaklah ditukar pada hari berkenaan jika dikehendaki oleh pemeriksa; penutup kepala hendaklah cukup besarnya dan dilekapkan supaya ianya dapat menutup dan mencegah rambut daripada mencemar bahan-bahan yang boleh dimakan itu dengan berkesan.
21. Tidak ada orang yang boleh memakai sarung tangan yang dibuat daripada bahan yang boleh meresap atau berjerumbai apabila memegang bahan-bahan boleh dimakan yang tidak bertutup.
22. Pemakaian anting-anting, brus, cincin atau barang kemas lain yang curai, sarung jari, pembalut atau pakaian berubat adalah tidak dibenarkan di kawasan kerja sekiranya ianya akan menyebabkan pencemaran oleh sebab kemasukan yang tidak sengaja ke dalam pek itu.
23. Tiap-tiap orang yang memegang bahan-bahan yang boleh dimakan hendaklah dengan tangan dan kuku yang bersih, dan hendaklah membasuh tangannya dengan sempurna pada permulaan kerja dan membasuhnya semula sebelum memegang semula bahan-bahan yang boleh dimakan itu pada

Akta 50.

bila-bila masa ianya boleh menjadikannya kotor seperti setelah memegang kelengkapan yang mungkin tercemar, permukaan bahan-bahan, dan selepas pergi ke bilik air.

24. Merokok, mengunyah makanan, makan dan minum adalah tidak dibenarkan dalam mana-mana bilik sekiranya daging yang terdedah sedang diproses atau selainnya sedang dikendalikan.
25. Hanya germisid, racun serangga, rodentisid, detergen atau agen pembasah atau bahan lain yang sama yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah boleh digunakan di dalam rumah sembelih dan kesemuanya itu hendaklah digunakan dengan cara yang memuaskan hati pemeriksa; penggunaan racun-racun bagi apa-apa jua maksud di dalam bilik-bilik dan petak-petak di mana bahan-bahan yang boleh dimakan yang tidak bertutup distorkan atau dikendalikan adalah dilarang.
26. Perkarangan rumah sembelih hendaklah disenggarakan dalam keadaan bersih dan kemas; apa-apa kelengkapan dan bahan lain yang tidak digunakan hendaklah dikumpulkan ke tepi dengan kemas daripada kawasan pemprosesan supaya ianya tidak menimbulkan gangguan.
27. Semua lekok dalam perkarangan yang hampir dengan kawasan pemprosesan yang mungkin akan dipenuhi air hendaklah diratakan.
28. Kandungan perut, najis, bulu, bulu pelepas atau bahan lain yang boleh menjadi tempat pembiakan bagi vermin tidak boleh dibiarkan bertimbun di atas premis, dan hendaklah dilupuskan dengan segera dengan apa-apa jua cara supaya ia tidak akan menyebabkan gangguan atau akan mengakibatkan pencemaran kepada persekitarannya.
29. Tiada karkas atau mana-mana bahagiannya atau organ-dalam yang boleh dimakan boleh dibenarkan dibawa masuk ke rumah sembelih kecuali jika dibenarkan oleh pemeriksa pengelola.
30. Sekiranya Ketua Pengarah memikirkan perlu karkas, bahagiannya dan organ-dalam yang boleh dimakan hendaklah disejukkan selepas sahaja dijalankan pemprosesan mengikut yang berikut:
 - (1) dalam hal daging lembu dan kerbau hingga ke 15°C atau lebih rendah pada takat yang tebal sekali bagi karkas atau bahagiannya selama kurang daripada 20 jam;
 - (2) dalam hal daging kambing hingga ke 7°C atau lebih rendah pada takat yang tebal sekali bagi karkas atau bahagiannya selama kurang daripada 12 jam;
 - (3) dalam hal daging babi hingga ke 10°C atau lebih rendah pada takat yang tebal sekali bagi karkas atau bahagiannya selama kurang daripada 15 jam; dan
 - (4) dalam hal ayam-itik karkas atau bahagiannya pada suhu dalam hingga ke 4°C atau lebih rendah selama kurang daripada 4 jam, dan giblet hendaklah disejukkan hingga ke 4°C selama kurang daripada 2 jam.

31. Hanya ais yang dihasilkan daripada air boleh diminum yang hendaklah digunakan sebagai ais dan air bagi menyejukkan karkas ayam-itik dan bahagiannya. Ais itu hendaklah dikendalikan dan distorkan dengan cara yang bersih. Jika ais itu berbentuk ketulan, ianya hendaklah dibasuh dengan menyemburkan ke semua permukaannya dengan air bersih sebelum dihancurkan. Suhu bagi media penyejukan di bahagian yang paling panas bagi tiap-tiap sistem penyejukan ayam-itik tidak boleh melebihi 18°C . Suhu di bahagian yang paling panas bagi sesuatu sistem penyejukan yang berterusan hendaklah diawasi secara berterusan dan carta-carta suhu yang lengkap hendaklah diberi setiap hari kepada pemeriksa. Air atau ais yang mencukupi, atau kedua-duanya, hendaklah ditambah ke bahagian-bahagian sistem penyejukan supaya media penyejukan itu sentiasa bersih dan supaya dapat mengadakan limpahan yang berterusan daripada tiap-tiap bahagian sistem itu.
32. Suhu dalam tempat kemudahan penyejukan dan pendinginan di mana daging dan organ-dalam yang boleh dimakan distorkan hendaklah disenggarakan pada kadar 4°C atau kurang.
33. Karkas, bahagiannya dan organ-dalam yang boleh dimakan yang dicadangkan bagi pengawetan dengan pembekuan, hendaklah dibekukan seberapa segera yang boleh dan tidak boleh terus disejukkan selama lebih daripada 72 jam.
34. Jika karkas ayam-itik yang diselimuti dengan ais dan diletakkan dalam tong atau kontena lain, hendaklah lebih baik dibungkus dalam plastik atau bahan lain yang sesuai untuk melindungi daripada pencemaran dan pengadukan.
35. Ayam-itik yang dicelup lilin hendaklah dikendalikan supaya lilin dan bulu-bulu yang telah dipisahkan masuk ke dalam kontena yang sesuai. Hanya lilin bersih yang telah distorkan di tempat yang bersih boleh digunakan bagi pencelupan lilin. Penapis pengasingan bulu yang berada dalam jentera pencelupan lilin hendaklah boleh dikeluarkan dan dibersihkan satu kali setiap hari. Sebelum tamat masa bekerja hari itu lilin yang telah dipulihguna hendaklah dipanaskan sehingga ke suhu yang tidak kurang daripada 80°C selama tempoh tidak kurang daripada 20 minit, diskim, dibasuh, disaring atau dilakukan kepada mesin pembersih empar dan selepas itu distorkan di tempat yang bersih.

JADUAL KEDUA
(Kaedah 5)

PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN PEMERIKSAAN

1. Pemeriksa pengelola hendaklah sentiasa diberitahu dengan sepenuhnya oleh pengurus akan semua detail berkenaan dengan pengendalian sebenarnya di rumah sembelih berhubungan dengan pengeluaran daging, dan tiada apa-apa pengendalian yang boleh dijalankan tanpa pengetahuan dan pengawasan pemeriksa pengelola atau seseorang pemeriksa yang telah diberikan arahan terperinci bagi tujuan itu.

2. Pengurus hendaklah memberi notis yang mencukupi kepada pemeriksa pengelola berkenaan dengan sampainya ternakan dan waktu sembelihan supaya dengan itu dia boleh membuat persiapan bagi pemeriksaan.
3. Pengurus hendaklah, apabila diminta, memberi kepada pemeriksa pengelola maklumat yang betul berkenaan dengan penerimaan ternakan yang sedia ada, dan apa-apa maklumat berkenaan dengan pemprosesan dan perkara-perkara lain yang sama yang dianggap munasabah dan perlu.
4. Seseorang pemeriksa boleh memasuki pada bila-bila masa mana-mana bahagian rumah sembelih itu bagi maksud menjalankan kuasa-kuasanya atau bagi melaksanakan tugas-tugasnya di bawah Kaedah-Kaedah ini.

JADUAL KETIGA

(Kaedah 6)

PEMERIKSAAN DAN PENENTUAN TERNAKAN, KARKAS, BAHAGIAN DAN BAHANNYA

BAHAGIAN I

PEMERIKSAAN ANTE-MORTEM

SEKSYEN A

Tujuan

1. Untuk menghalang penyembelihan ternakan yang menunjukkan bukti yang jelas bahawa ternakan itu mempunyai penyakit atau berada dalam keadaan yang menyebabkan karkas itu tak layak bagi makanan manusia.
2. Untuk menyembelih semua ternakan yang disyaki terkena dengan sesuatu penyakit atau berada dalam keadaan yang menyebabkan kesemua atau sebahagian daripada karkas itu tak layak bagi makanan manusia dengan diasingkan daripada ternakan yang sihat.
3. Untuk menghalang supaya ternakan yang jelas berpenyakit atau yang sangat tercemar daripada dikendalikan di tempat penyembelihan.

SEKSYEN B

Kemudahan-kemudahan yang dikehendaki

1. Hendaklah disediakan kawasan berpagar atau kandang yang mencukupi untuk menahan kesemua jumlah ternakan bagi tiap-tiap jenis ternakan yang dikendalikan pada hari itu. Kawasan berpagar atau kandang itu hendaklah diturap dengan batu batu dan pencahayaan yang cukup hendaklah dibekalkan sekurang-kurangnya dengan keamatan sepuluh batang lilin. Keluasan yang mencukupi di bawah bumbung hendaklah ada tersedia untuk membolehkan pemeriksaan ante-mortem dijalankan semasa cuaca buruk.

2. Kandang berasingan yang ditentukan sebagai Kandang Menahan Yang Disyaki hendaklah disediakan bagi kemudahan mengasingkan ternakan yang disyaki terkena apa-apa penyakit atau yang berada dalam keadaan abnormal daripada ternakan lain. Kandang-kandang ini hendak dipasang atap, diberi pencahayaan dengan keamatan sekurang-kurangnya dua puluh batang lilin, dan hendaklah disediakan dengan kemudahan-kemudahan membasuh tangan dan alat penahan yang mencukupi seperti pemasungan.
3. Pekerja-pekerja rumah sembelih hendaklah membantu dan bekerjasama sepenuhnya dengan pemeriksa apabila memindahkan, mengasingkan, mengenalpasti dan menandakan ternakan apabila diminta.

SEKSYEN C

Prosedur

- i. Tidak ada ternakan yang boleh disembelih di rumah sembelih melainkan jika ianya telah diperiksa oleh seorang pemeriksa pada hari sembelihan itu sebelum ianya dibawa masuk ke tempat penyembelihan.
2. Hanya ternakan yang dianggap oleh pemeriksa yang menjalankan pemeriksaan ante-mortem sebagai telah mendapat rehat yang secukupnya boleh diberi pemeriksaan ante-mortem.
3. Mana-mana ternakan yang sangat tercemar dengan lumpur, bahan kotoran atau najis yang akan mendatangkan bahaya kerana pencemaran yang tidak sepatutnya kepada karkasnya semasa operasi proses penyembelihan, adalah tidak boleh disembelih sehingga ianya telah dibersihkan dengan memuaskan hati pemeriksa yang menjalankan pemeriksaan.
4. Pemeriksa yang menjalankan pemeriksaan hendaklah mengawasi ternakan yang berehat dalam kandang dan yang bergerak jika perlu.
5. Pemeriksa yang menjalankan pemeriksaan boleh mengarahkan supaya mana-mana ternakan dipindahkan dan diasingkan ke Kandang Menahan Yang Disyaki untuk pemeriksaan lanjut secara lebih detail.
6. Binatang-binatang yang telah menjalani pemeriksaan ante-mortem hendaklah dikategorikan dan dikendalikan seperti berikut:

(1) Binatang-binatang yang diluluskan sebagai sihat dan layak untuk disembelih

Binatang-binatang ini tidak mempunyai tanda-tanda yang jelas yang menunjukkan ianya berpenyakit. Perakuan Pemeriksaan Ante-Mortem (sebagaimana yang terdapat dalam Borang I Jadual ini) hendaklah dipenuhi bagi semua binatang yang diperiksa dan diluluskan sebagai binatang yang sihat dan layak untuk disembelih. Perakuan ini hendaklah disimpan di pejabat haiwan.

(2) Binatang-binatang yang dibenarkan untuk disembelih, tetapi berada di bawah pengawasan rapi

- (a) Binatang-binatang ini adalah disyaki telah dijangkiti penyakit atau berada dalam keadaan yang boleh menyebabkan seluruh karkas atau sesuatu bahagian daripadanya sebagai tak layak bagi makanan manusia.
- (b) Tiap-tiap ekor daripada binatang ini hendaklah diperiksa dengan teliti oleh seorang pemeriksa yang menjalankan pemeriksaan, dan hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dalam Perakuan Pemeriksaan Ante-Mortem (Pemeriksaan Binatang Yang Disyaki) sebagaimana yang terdapat dalam Borang 2 Jadual ini. Keputusan pemeriksaan antemortem ini hendaklah diambil kira bagi penentuan karkas dan bahagian-bahagiannya semasa pemeriksaan post-mortem.
- (c) Tiap-tiap ekor daripada binatang ini hendaklah dikenalpasti dengan jelas, seperti dengan menggunakan tatu, nombor bersiri pada tanda di telinga, cat atau cara-cara mengenalpasti lain yang boleh diterima oleh pemeriksa yang menjalankan pemeriksaan.
- (d) Pemeriksa yang menjalankan pemeriksaan boleh mengarahkan supaya mana-mana binatang disembelih secara berasingan daripada binatang-binatang lain sebagaimana dinyatakan dalam sub-perenggan (1), supaya dapat mencegah pencemaran yang tak sepatutnya kepada karkas yang lain itu.
- (e) Penyakit-penyakit atau keadaan-keadaan yang termasuk dalam kategori ini ialah—
 - (i) anemia;
 - (ii) cirit-birit;
 - (iii) serangan serangga, jika merebak;
 - (vi) simptom-simpton yang tidak dapat ditentukan;
 - (v) infestasi parasitik dalam yang disyaki dengan disertai oleh anemia, cirit-birit atau keadaan badan yang buruk;
 - (vi) jaundis;
 - (vii) ketempangan;
 - (viii) jangkitan setempat seperti abses atau luka berjangkit yang tidak disertai dengan suhu yang tinggi;
 - (ix) neoplasma yang tidak disertai dengan emasiasi;
 - (x) edema (setempat);
 - (xi) penyakit kulit dan mukosal apabila lesion merebak seperti eksima, dermatitis, eritema, penyakit kurap, fotosensitisasi, kurap, ulserasi, urtikaria dan ketuat;

(xii) reaktor post-vaksinasi yang tidak disertai dengan suhu yang tinggi;

(xiii) lesion poks apabila merebak;

(xiv) keadaan badan yang buruk apabila disertai dengan kekurangan tenaga; dan

(xv) luka-luka.

(3) Binatang-binatang yang ditahan daripada disembelih

(a) Binatang-binatang ini menunjukkan bukti adanya suatu penyakit atau keadaan yang, pada pendapat pemeriksa, mungkin mendapat reaksi selepas penangguhan penyembelihan atau rawatan yang sesuai.

(b) Penyakit-penyakit dan keadaan-keadaan yang tersebut dalam perenggan (a) termasuklah—

(i) residu biologi dan residu dadah yang lain;

(ii) gangguan sistem saraf pusat seperti gangguan-gangguan yang dianggap telah disebabkan oleh toksin kimia, toksin logam, toksin tumbuhan atau toksin bakteria;

(iii) suhu yang naik dengan tingginya berserta dengan simpton-simpton jangkitan;

(iv) metabolisme yang tidak lancar; dan

(v) reaksi post-vaksinasi yang disertai oleh demam.

(c) Binatang-binatang yang dijadikan bahan penyelidikan tidak boleh disembelih sehingga nasihat secukupnya berkenaan dengan detail-detail penyelidikan dan mengenai apa-apa kimia atau dadah yang digunakan telah diperolehi, dan maklumat tersebut hendaklah digunakan bagi menentukan kelayakan binatang-binatang itu untuk disembelih.

(d) Seekor binatang yang didapati mempunyai penyakit atau berkeadaan seperti yang disenaraikan dalam perenggan (b) boleh diserahkan semula untuk pemeriksaan ante-mortem dengan syarat bahawa apa-apa dadah yang telah digunakan hendaklah diberitahu kepada pemeriksa.

(4) Binatang-binatang bagi sembelihan kecemasan

(a) Binatang-binatang ini adalah binatang-binatang yang tercedera atau cacat dan bagi babi termasuklah juga yang sakit kerana tekanan panas.

(b) Pengurus adalah bertanggungjawab untuk mensiasatkan pemeriksa berkenaan dengan adanya atau di mana beradanya binatang-binatang itu.

(c) Pemeriksaan ante-mortem bagi binatang-binatang itu hendaklah dijalankan tanpa penangguhan yang tidak sepatutnya.

- (d) Binatang-binatang itu boleh disembelih di dalam kandang. Keadaan berhati-hati mesti dilakukan untuk melindungi permukaan potongan daripada pencemaran semasa mengangkut karkas ke tempat penyembelihan. Kawasan-kawasan kandang yang dikotori oleh darah binatang yang disembelih itu hendaklah dibersihkan sehingga memuaskan hati pemeriksa.
- (e) Penyembelihan dan pengendalian binatang-binatang tersebut, setakat mana yang boleh diperlakukan, hendaklah dilakukan dengan cekap dan boleh juga dilakukan bersama-sama dengan binatang-binatang yang sihat.
- (f) Binatang-binatang tersebut hendaklah dikenalpasti dengan jelas seperti dengan cara menggunakan tatu, nombor bersiri pada tanda di telinga, cat atau cara-cara mengenalpasti lain yang boleh diterima oleh pemeriksa.

(5) Binatang-binatang yang dikondem sebagai tak layak bagi makanan manusia

- (a) Binatang-binatang ini menunjukkan bukti yang jelas dan tidak disangsih lagi bahawa mereka telah terkena dengan suatu penyakit atau berada dalam keadaan yang memerlukan pengkondeman karkasnya sebagai tak layak bagi makanan manusia.
- (b) Binatang-binatang ini tidak boleh dibenarkan untuk dikendalikan di tempat penyembelihan, dan mana-mana bahagian karkas binatang-binatang itu tidak boleh juga dibenarkan dibawa masuk atau melalui mana-mana bahagian rumah sembelih di mana bahan yang boleh dimakan sedang dikendalikan, disediakan atau distor.
- (c) Binatang-binatang ini tidak boleh dibenarkan meninggalkan rumah sembelih kecuali dengan kebenaran bertulis daripada pemeriksa pengelola bagi rumah sembelih itu telah diperolehi.
- (d) Penyakit-penyakit atau keadaan-keadaan yang tersebut dalam perenggan (a) termasuklah—
 - (i) anasarka;
 - (ii) kakeksia akibat dari apa-apa penyakit atau keadaan patologi;
 - (iii) binatang-binatang dalam keadaan komatos yang pada pendapat pemeriksa tidak mungkin mendapat reaksi selepas diberi rawatan;
 - (iv) binatang-binatang yang mati;

- (v) penyakit-penyakit berjangkit seperti kolibasisis yang akut atau salmonelosis yang akut, erisipelas babi yang akut, botulisme, deman katarhal malignan bovin, hawar berdarah, tetanus; dan
- (vi) neoplasma apabila disertai dengan emasiasi.

- (e) Dalam hal antraks yang disyaki, semua binatang yang berhampiran hendaklah diasingkan daripada binatang-binatang lain dan tidak boleh disembelih sehingga selepas keputusan-keputusan pemeriksaan makmal dibuktikan negatif. Sekiranya keputusan-keputusan pemeriksaan makmal dibuktikan positif, binatang-binatang yang diasingkan itu tidak boleh disembelih sehingga suatu tempoh sekurang-kurangnya 14 hari selepas tamatnya tarikh pengasingan itu atau 14 hari telah tamat semenjak mana-mana binatang yang diasingkan itu menunjukkan bukti mempunyai hubungan dengan penyakit, mengikut mana yang terkemudian. Semua kawasan berpagar, lorong kecil berpagar, jalan-laluan dan mana-mana struktur atau kelengkapan yang mungkin telah tercemar oleh binatang-binatang antraks hendaklah dibersihkan dengan sempurnanya dan disterilisasikan sepenuhnya termasuk pemindahan dengan segera dan pembakaran mana-mana jerami atau najis binatang dan serta-merta hendaklah diikuti dengan disinfeksi secara sempurna kepada permukaan-permukaan yang terdedah dengan suatu larutan sebanyak 5% sodium hidroksida, yang baru disediakan dan dipakai dengan sekadar panas yang boleh atau dengan apa-apa cara disinfeksi lain yang boleh diterima oleh penguasa veterinar.

(6) Binatang-binatang yang disyaki terkena penyakit eksotik

- (a) Mana-mana binatang yang disyaki telah terkena apa-apa penyakit yang berikut adalah tidak boleh disembelih :
 - (i) bluetongue;
 - (ii) penyakit kuku dan mulut;
 - (iii) rabies;
 - (iv) rinderpest; dan
 - (v) penyakit vesikul.
- (b) Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri yang berkenaan hendaklah memberi nasihat dengan segera berkenaan dengan di mana beradanya binatang-binatang seperti itu.

(c) Binatang yang disyaki berserta dengan semua binatang yang ada hubungan dengannya hendaklah diasingkan dan ditahan berjauhan daripada semua binatang lain sehingga keadaan itu disiasat sehingga memuaskan hati Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri.

7. Ayam-itik yang telah menjalani pemeriksaan ante-mortem hendaklah dikategorikan dan dikendalikan seperti berikut:

(1) *Ayam-itik yang diluluskan sebagai sihat dan layak untuk disembelih*

Burung-burung ini adalah tidak jelas menderita daripada apa-apa penyakit atau keadaan yang akan menyebabkan karkasnya tak layak bagi makanan manusia.

(2) *Ayam-itik yang dibenarkan untuk disembelih, tetapi berada di bawah pengawasan rapi*

Semua burung ini di mana pada pemeriksaan ante-mortem tidak menunjukkan dengan jelas tetapi disyaki terkena sesuatu penyakit atau berada dalam keadaan yang boleh menyebabkan pengkondeman kepada keseluruhan atau sebahagiannya pada pemeriksaan post-mortem, hendaklah diasingkan daripada ayam-itik yang lain dan ditahan untuk disembelih, pengeluaran organ-dalam dan pemeriksaan post-mortem yang berasingan.

(3) *Ayam-itik yang disyaki mempunyai residu-residu biologi*

Apabila mana-mana ayam-itik di rumah sembelih disyaki telah diberi rawatan dengan atau didedahkan kepada apa-apa bahan yang boleh mendatangkan residu biologi yang boleh menyebabkan tisu-tisunya yang boleh dimakan diadukkan, ayam-itik itu hendaklah, atas opsyen pemeriksa, ditolak daripada disembelih, atau sekiranya boleh dipraktikkan, dibenarkan untuk disembelih dan karkasnya ditahan sehingga suatu penentuan muktamad dibuat selepas dilakukan analisis makmal ke atas karkas itu.

(4) *Ayam-itik yang digunakan bagi penyelidikan*

Tidak ada ayam-itik yang digunakan bagi apa-apa penyiasatan penyelidikan yang melibatkan bahan biologi, dadah atau kimia sebagai percubaan layak untuk disembelih di rumah sembelih melainkan jika penyiasat itu telah mengemukakan kepada pemeriksa suatu data atau ringkasan penilaian bagi data itu yang dapat menunjukkan sehingga memuaskan hati pemeriksa bahawa penggunaan bahan biologi, dadah atau kimia itu tidak akan mengakibatkan bahan-bahan ayam-itik berkenaan diadukkan.

BORANG 1

(Perenggan 6 (1), Seksyen C, Bahagian I)

ORDINAN BINATANG 1953

KAEDAH-KAEDAH PEMERIKSAAN DAGING 1985

JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN

KEMENTERIAN PERTANIAN
(SEMPENANJUNG MALAYSIA)

PERAKUAN PEMERIKSAAN ANTE-MORTEM

(Perenggan 6 (1), Seksyen C, Bahagian I, Jadual Ketiga)

Tarikh.....

1. Rumah sembelih:

.....

2. Perihal binatang-binatang:

Spesies.....Baka.....

3. Keputusan Pemeriksaan:

(a) Jumlah binatang yang diperiksa:

.....

(b) Jumlah binatang yang diluluskan sebagai layak untuk disembelih:

.....

(c) Jumlah binatang yang dibenarkan untuk disembelih tetapi berada di bawah pengawasan rapi:

.....

(d) Jumlah binatang yang akan disembelih kerana sebab-sebab kecemasan:

.....

(e) Jumlah binatang yang dikondem pada pemeriksaan ante-mortem:

.....

Tandatangan:

Nama:

Nama Jawatan:

BORANG 2
(Perenggan 6 (2) (b), Seksyen C, Bahagian I)

ORDINAN BINATANG 1953

Kaedah-Kaedah PEMERIKSAAN DAGING 1985

JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN
KEMENTERIAN PERTANIAN
(SEMPENANJUNG MALAYSIA)

PERAKUAN PEMERIKSAAN ANTE-MORTEM (PEMERIKSAAN
BAGI BINATANG-BINATANG YANG DISYAKI)
(Perenggan 6 (2), Seksyen C, Bahagian I, Jadual Ketiga)

Tarikh.....

1. Nama/No. Rumah Sembelih:

.....

2. Perihal binatang:

Spesies..... Baka.....

Warna..... Jantina..... Umur.....

Tanda (tanda-tanda) Kenalpasti.....

3. Keputusan Klinikal.....

Suhu Badan

Diagnosis.....

4. Penentuan:

- *1. Dibenarkan untuk disembelih di bawah pengawasan rapi.
- *2. Ditahan daripada disembelih.
- *3. Dikondem sebagai tak jayak untuk makanan manusia pada pemeriksaan ante-mortem.

Tandatangan:

Nama:

Nama Jawatan:

* Potong mana yang tidak berkenaan.

BAHAGIAN II
PEMERIKSAAN POST-MORTEM

SEKSYEN A

Prinsip-prinsip Am bagi Kenalpasti, Penyelarasan dan Kawalan

1. Suatu penelitian dan pemeriksaan post-mortem hendaklah dibuat oleh atau di bawah pengawasan langsung seorang pemeriksa pada masa penyembelihan ternakan di sebuah rumah sembelih. Jika pemeriksaan itu menunjukkan tidak ada alasan bagi menahan atau mengkondem mana-mana karkas atau mana-mana bahagiannya, pemeriksa hendaklah meluluskan dan menandakannya sebagaimana dikendalikan oleh Kaedah-Kaedah ini.
2. Semua bahagian karkas yang akan digunakan dalam penyediaan daging atau bahan-bahan daging hendaklah disimpan dengan suatu cara yang dapat memelihara identitinya sehingga pemeriksaan post-mortem selesai dijalankan. Apabila bahan-bahan bagi tujuan-tujuan boleh dimakan lebih daripada satu ternakan diagregatkan dalam suatu kontena biasa sebelum selesainya pemeriksaan post-mortem, semua bahan seperti dalam kontena itu hendaklah dikondem sekiranya mana-mana satu daripada ternakan itu, yang bahannya ada di dalam kontena itu, dikondem pada pemeriksaan post-mortem muktamad.
3. Sekiranya seseorang pemeriksa mengarahkan mana-mana karkas, bahagiannya atau bahannya supaya ditahan bagi pemeriksaan atau tindakan lanjut, dia hendaklah mengenapiti karkas atau bahagiannya itu supaya ianya boleh diarahkan untuk dibawa ke bilik penahanan atau ke ruang yang ditetapkan oleh pemeriksa pengelola.
4. Jika pada pemeriksaan muktamad karkas, bahagian atau bahannya didapati layak bagi makanan manusia, pemeriksa hendaklah memberarkan karkas, bahagiannya atau bahannya itu supaya ditandakan dengan legenda pemeriksaan.
5. Karkas yang menunjukkan bahagian-bahagian yang tercedera yang tidak boloh lagi dipisahkan pada masa sembelihan itu hendaklah ditahan sehingga dikendalikan sebagaimana diarahkan oleh pemeriksa.
6. Melainkan jika dibenarkan oleh seseorang pemeriksa, tidak ada orang yang boleh meletakkan atau mengalihkan daripada mana-mana karkas atau bahagiannya, apa-apa tanda kenalpasti yang ditetapkan untuk menandakan penahanan atau pengkondeman.
7. Apa-apa jua yang ditandakan, ditahan atau dikondem hendaklah dikendalikan mengikut arahan pemeriksa sekiranya tidak ada peruntukan bagi pengendalian perkara tersebut dibuat dalam mana-mana peruntukan lain dalam Kaedah-Kaedah ini.
8. Apabila sahaja seseorang pemeriksa menyita mana-mana daging atau bahan daging atau barang-barang lain menurut mana-mana perenggan Kaedah-Kaedah ini, dia hendaklah mengenalpasti bahan-bahan tersebut dengan cara yang sesuai, dan hendaklah pada masa yang sama mengeluarkan kepada

orang yang daripadanya barang-barang itu disita suatu Perakuan Penahanan seperti dalam Borang 3 Jadual ini; perakuan tersebut hendaklah ditandatangani oleh pemeriksa dan satu salinannya hendaklah dihantar kepada pemeriksa pengelola bagi rumah sembelih itu bersama-sama dengan laporan dari pada pemeriksa untuk tindakan selanjutnya.

9. Tidak ada orang yang boleh memindahkan, menjual atau selainnya melupuskan mana-mana daging atau bahan daging atau perkara-perkara lain yang telah kenalpasti sedemikian itu oleh seseorang pemeriksa menurut perenggan 8 tanpa kebenaran bertulis daripada pemeriksa.
10. Seseorang pemeriksa boleh membuat sesuatu perintah dan boleh memberi apa-apa arahan yang difikirkannya perlu untuk pemeliharaan dan penjagaan yang wajar bagi mana-mana daging atau bahan daging atau bagi perkara-perkara lain yang padanya telah dibuat tanda kenalpasti menurut perenggan ini, dan tiap-tiap orang yang kepadanya mana-mana satu daripada perintah itu dibuat atau telah diberi arahan, hendaklah mematuhiinya dengan mengikuti terma-terma kepadanya.
11. Apa-apa daging atau bahan daging atau perkara-perkara lain yang telah dilucut hak menurut Kaedah-Kaedah ini hendaklah dilupuskan dengan sesuatu cara sebagaimana ditetapkan di dalamnya oleh pemeriksa pengelola atau sebagaimana diarahkan oleh Ketua Pengarah.
12. Sekiranya seseorang pemeriksa mendapat mana-mana karkas, bahagiannya atau bahannya tak layak bagi makanan manusia dia hendaklah mengkondem karkas, bahagiannya atau bahannya itu yang mana hendaklah dilupuskan dengan suatu daripada cara-cara yang ditetapkan di bawah perenggan 13, dengan pengawasan seorang pemeriksa. Pengurus hendaklah menyediakan kemudahan-kemudahan dan bahan-bahan yang perlu bagi melaksanakan kehendak-kehendak perenggan ini.
13. (1) Pelupusan dengan cara memasukkan ke dalam tangki.
Bahan-bahan yang dikondem hendaklah diletakkan dalam tangki dengan kehadiran seorang pemeriksa yang dengan itu akan menyaksikan bahawa kandungan tangki itu adalah tertakluk kepada suatu suhu yang melebihi 100°C bagi masa selama tidak kurang dari tiga jam atau pada sesuatu suhu atau tempoh masa lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah supaya pensterilan secara berkesan dapat dibuat kepada kandungan itu dan menyebabkan bahan-bahan itu tidak sesuai bagi makanan manusia.
- (2) Pelupusan dengan cara pembakaran tertutup atau dengan pemusnahan sepenuhnya melalui pembakaran.
- (3) Pelupusan dengan denaturasi kimia.

(a) Bahan-bahan yang dikondem hendaklah didenaturasi kimia dengan cara penggunaan yang menyeluruh kepada semua karkas dan bahagian-bahagiannya, dengan salah satu daripada cara yang berikut:

(i) asid karbolik mentah;

- (ii) disinfektan kresilik;
- (iii) kerosin, minyak behanapi, atau minyak kotak-engkol yang terpakai;
- (iv) apa-apa disinfektan fenolik dengan sekurang-kurangnya 2 peratus larutan; atau
- (v) apa-apa bahan atau apa-apa cara lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah dalam kes-kes tertentu, yang akan mendenaturasi bahan-bahan ke takat yang perlu bagi menyempurnakan maksud-maksud seksyen ini.

- (b) Bagi maksud denaturasi kimia yang berkesan, bahan yang dikondem hendaklah diparang secara bebas sebelum agen denaturasi digunakan, kecuali bahan dalam kes ternakan yang mati yang belum menjalani proses penyembelihan, denaturan boleh digunakan dengan cara suntikan. Denaturan hendaklah diambil dalam semua bahagian karkas atau bahan setakat yang perlu bagi mencegah penggunaannya bagi makanan manusia.
- (c) Denaturan hendaklah digunakan dengan kepekatan yang mencukupi supaya mengeluarkan bau yang berbeza, dan dengan itu dengan mudah akan dapat dibezakan daripada bahan lain.
- (d) Pencelup sahaja tidak akan diterima sebagai denaturan, bagaimanapun, ianya boleh dicampurkan dengan denaturan kimia sebagai penunjuk ter-tampakkan bahawa denaturasi itu telah berlaku.

14. Sesebuah rumah sembelih yang tidak dikehendaki oleh Kaedah-Kaedah ini supaya dilengkapkan dengan kemudahan-kemudahan mengadakan tangki bagi bahan-bahan tak boleh dimakan atau bahan-bahan dikondem, ia boleh memusnahkan atau melupuskan bahan-bahan itu di bawah pengawasan seorang pemeriksa dengan sesuatu cara sebagaimana diluluskan oleh Ketua Pengarah.

SEKSYEN B

Prosedur-Prosedur Am dalam Pemeriksaan Post-Mortem

1. Semua karkas dan bahagian-bahagiannya hendaklah dijalankan proses penyembelihan dan dibersihkan dengan sempurnanya sebelum pemeriksaan atau pengeluaran organ-dalam.
2. Semua karkas hendaklah diberi ruang yang cukup luas bagi mencegah pencemaran kepada tisu-tisu boleh dimakan yang terdedah.
3. Seseorang pemeriksa boleh mengarahkan bahawa sekurang-kurangnya satu ruang susur kosong diadakan di antara karkas yang sihat dan yang berpenyakit.
4. Pemeriksaan kepala hendaklah diselesaikan sebelum pemeriksaan karkas atau viseranya dimulakan.

5. Kecuali dalam hal ayam-itik, sternum bagi tiap-tiap karkas hendaklah dipisahkan dan visera dipisahkan pada masa sembelihan supaya dapat memberikan pemeriksaan yang sempurna.
6. Pemeriksaan bagi kedua-dua karkas dan visera hendaklah dijalankan secara bersama di antara satu dengan yang lain, dengan serta-merta selepas sahaja pengeluaran organ-dalam.
7. Karkas hendaklah diperiksa di bahagian luar dan dalamnya bagi sebarang patologi atau proses penyembelihan yang tak memuaskan.
8. Tidak ada karkas yang boleh dibawa masuk ke dalam rumah sembelih melainkan jika kebenaran bertulis telah diperolehi daripada pemeriksa pengelola.

SEKSYEN C**Prosedur-Prosedur dalam Pemeriksaan Post-Mortem bagi Lembu****I. PENGENDALIAN DAN PEMERIKSAAN KEPALA**

- (1) Pembasuhan kepala hendaklah dijalankan sehingga memuaskan hati pemeriksa.
- (2) Kepingan-kepingan belulang termasuk pelupuk mata dan bibir dan apa-apa kemungkinan pengotoran oleh penelan hendaklah dibuang sebelum membasuh kepala, dan kerja membasuh itu hendaklah dilakukan dalam petak atau kawasan di mana percikan daripada air yang terbuang adalah terkawal.
- (3) Semburan yang cukup dan menyeluruh kepada rongga hidung, pipi dan oral hendaklah dilakukan supaya semua bahan yang ditelan dapat dibuang sepenuhnya sebelum membasuh permukaan luar kepala.
- (4) Tonsil tidak boleh dipotong semasa memotong lidah dan ianya hendaklah dipisahkan dengan sempurna daripada kepala atau daripada pangkal-lidah sebelum dilakukan pemeriksaan kepala.
- (5) Prosedur-prosedur pemeriksaan hendaklah termasuk yang berikut:
 - (a) suatu pemeriksaan visual bagi semua permukaan di kepala yang terdedah;
 - (b) pipi hendaklah terus tinggal *in situ* sehingga pemeriksaan kepala diselesaikan dan otot-otot pengunyanan luar dan dalam hendaklah dibelah lurus hingga ke rahang bawah;
 - (c) penghirisan hendaklah dibuat hingga ke parotid, submaksila dan kelenjar limfa retrofaring; dan
 - (d) lidah hendaklah dipalpat dan mana-mana parut luka atau luka gigi hendaklah dibuang dan suatu hirisan hendaklah dibuat membujur dan secara ventral ke dalam otot-otot lidah.

2. PEMERIKSAAN KARKAS DAN VISERA**(1) Karkas**

- (a) Penghirisan hendaklah dibuat kepada kelenjar-kelenjar limfa inguinal superfisial dan ilia dalam dan jika diperlukan penghirisan hendaklah juga dibuat kepada profemoral, preskapular dan rantai lumbar.
- (b) Karkas yang disyaki ada tuberkulosis hendaklah disimpan bersama dengan organ-organ yang relevan bagi pemeriksaan oleh seorang pemeriksa yang berpangkat tidak rendah daripada Penolong Pegawai Veterinar.

(2) Visera**(a) Jantung**

Jantung hendaklah disediakan dan diperiksa menurut salah satu daripada cara-cara yang berikut:

- (i) permukaan jantung itu hendaklah diperiksa, dan satu hirisan membujur dibuat memanjang dari bawah ke apeks ke seluruh dinding ventrikel kiri dan septum interventrikel, di mana selepas itu permukaan dalam ventrikel itu hendaklah diperiksa dan dihiris sekurang-kurangnya dengan empat hirisan; dihiris lebih daripada empat hirisan jika disyaki terdapat sista parasitik; atau
- (ii) seseorang pekerja rumah sembelih hendaklah memutuskan jantung daripada sambungannya dan memotong semua septum interventrikel dan mana-mana tisu lain bagi membolehkannya menterbalikkan organ itu keseluruhannya. Pemeriksa dengan itu hendaklah memeriksa permukaan dalam dan membuat empat hirisin dalam, empat hirisan panjang ke dalam otot-otot septum dan dinding ventrikel kiri. Jika disyaki terdapat sista hirisan yang lebih banyak hendaklah dibuat. Hirisan mestilah dibuat berhati-hati supaya tidak terpotong keseluruhan dinding jantung. Pemeriksa hendaklah menterbalikkan semula jantung itu kepada keadaan asalnya dan memeriksa permukaan luarnya.

(b) Aorta

Suatu hirisan bujur hendaklah dibuat pada sepanjang kauda aorta.

(c) Hati

Kedua-dua permukaan luar hati hendaklah dikaji. Kelenjar limfa portal hendaklah dihiris. Suatu hirisan hendaklah dibuat di sepanjang duktus hemedu utama.

(d) *Paru-paru*

Paru-paru hendaklah diperiksa secara visual dan permukaan parietal hendaklah dipalpat. Kelenjar limfa bronkiol dan mediastinal hendaklah dihiris. Trachea, bronki utama dan cabang-cabangnya hendaklah dipisahkan untuk mengesan adanya bahan asing dan parasit-parasit.

(e) *Limpa*

Limpa hendaklah dikaji, dipalpat dan jika perlu dihiris.

(f) *Esofagus*

Esofagus hendaklah diperiksa secara visual.

(g) *Usus*

Usus hendaklah dikaji. Kelenjar limfa mesenterik hendaklah dihiris. Cabang rumen dan retikulum hendaklah dipalpat bagi menentukan adanya abses.

(h) *Ginjal*

Ginjal hendaklah diperiksa selepas dipisahkan daripada kapsul-kapsulnya.

(i) *Kelenjar susu*

Kelenjar-kelenjar susu hendaklah dipotong kepada beberapa keratan dan diberi pemeriksaan teliti. Kelenjar-kelenjar susu yang ketara berpenyakit hendaklah dipisahkan dan dikondem tanpa dipotong-potong.

SEKSYEN D*Prosedur-Prosedur dalam Pemeriksaan Post-Mortem bagi Babu*

1. PENGENDALIAN DAN PEMERIKSAAN KEPALA

Pemeriksa hendaklah memastikan bahawa karkas telah dibersihkan dengan sempurnanya daripada keleumur, bulu gugur dan kekotoran sebelum sebarang hirisan dibuat bagi memisahkan visera dan lidah atau bagi pemeriksaan kelenjar limfa di kepala. Prosedur-prosedur pemeriksaan adalah termasuk penghirisan kelenjar submaksila. Karkas yang disyaki ada tuberkulosis hendaklah disimpan dengan organ-organnya yang relevan bagi pemeriksaan oleh seorang pemeriksa yang berpangkat tidak rendah daripada Penolong Pegawai Veterinar.

2. PEMERIKSAAN KARKAS DAN VISERA

(1) *Karkas*

(a) Suatu pemeriksaan visual hendaklah dijalankan ke atas semua karkas dengan memberi tumpuan kepada bahagian otot, lemak, pleura, peritoneum dan sistem rangka.

(b) Hirisan bagi penyiasatan ke dalam otot-otot dan sendi-sendi hendaklah dijalankan, jika diperlukan.

(c) Hirisan ke dalam kelenjar-kelenjar limfa inguinal superfisial, ilia dalam, prefemoral, popliteal, preskapular dan submaksila hendaklah dibuat, jika diperlukan.

(d) Ruang vertebra sesuatu karkas hendaklah dipisahkan jika disyaki terdapat piemia.

(2) *Visera*(a) *Jantung*

Jantung hendaklah dipalpat. Injap jantung hendaklah diperiksa, jika diperlukan.

(b) *Paru-paru*

Paru-paru hendaklah dipalpat dan kelenjar limfa mediastinal dan bronkiol hendaklah dihiris.

(c) *Hati*

Hati hendaklah diperiksa pada kedua-dua belahnya. Kelenjar limfa portal hendaklah dihiris.

(d) *Cinjal*

Cinjal hendaklah diperiksa selepas dipisahkan daripada kapsul-kapsulnya.

(e) *Usus dan perut*

Usus dan perut hendaklah dikaji dan dipalpat. Kelenjar-kelenjar limfa mesenterik hendaklah dihiris.

(f) *Limpa*

Limpa hendaklah diperiksa secara visual dan dipalpat.

SEKSYEN E*Prosedur-Prosedur dalam Pemeriksaan Post-Mortem bagi Biri-biri dan Kambing*

1. PENGENDALIAN DAN PEMERIKSAAN KEPALA

Rongga hidung, pipi dan oral hendaklah disembur dengan sempurnanya. Kajian secara am hendaklah dibuat di kepala.

2. PEMERIKSAAN KARKAS DAN VISERA

(1) *Karkas*

Kelenjar-kelenjar limfa inguinal superfisial, prefemoral, preskapular, popliteal, ilia dan rantai lumbar hendaklah dihiris.

(2) *Visera*

Jantung, paru-paru, hati hendaklah diperiksa dan kelenjar limfa yang berkaitan hendaklah dihiris. Suatu hirisan hendaklah dibuat dalam fisur pusat dan duktus hempedu hati. Cinjal hendaklah diperiksa selepas dipisahkan daripada kapsul-kapsulnya. Kelenjar-kelenjar limfa mesenterik hendaklah diperiksa.

SEKSYEN 1

Prosedur-Prosedur dalam Pemeriksaan Post-Mortem bagi Aya Itik

1. Suatu pemeriksaan post-mortem hendaklah dibuat berasaskan seekor demi seekor ke atas semua ayam-itik yang disembelih dalam sesebuah rumah sembelih.
 2. Tidak ada visera atau mana-mana bahagiannya yang boleh dipisahkan daripada mana-mana ayam-itik yang diproses dalam sesebuah rumah sembelih, kecuali pada masa pemeriksaan post-mortem melainkan jika identitinya dengan karkas disenggarakan dengan cara yang memuaskan hati pemeriksa.
 3. Tiap-tiap karkas yang akan dikeluarkan organ-dalam hendaklah dibuka supaya dapat mendedahkan organ-organ dan rongga badan untuk pemeriksaan yang sempurna oleh seseorang pemeriksa dan hendaklah disediakan dengan serta-merta selepas pemeriksaan sebagai ayam-itik yang tersedia untuk dimasak.
 4. Tiap-tiap karkas termasuk semua bahagiannya, yang padanya terdapat apa-apa lesion penyakit, atau ada keadaan-keadaan lain yang mungkin menyebabkan karkas itu, atau, mana-mana bahagiannya yang terkena dan berkenaan dengan suatu keputusan muktamad tidak boleh dibuat pada pemeriksaan pertama oleh pemeriksa, maka pemeriksaan selanjutnya hendaklah diadakan, dengan analisis makmal jika perlu. Identiti karkas itu, termasuk semua bahagiannya, hendaklah dijaga sehingga suatu pemeriksaan muktamad diselesaikan.

SEKSYEN G

Prosedur dalam Membasuh Karkas

1. Karkas hendaklah bebas daripada lebam-lebam superfisial kepingan-kepingan kulit dan benang, helaian-helaian rambut atau bulu yang boleh dilihat dengan jelasnya. Semua percemaran yang teruk oleh kotoran, gris atau kandungan usus hendaklah dikemaskan daripada karkas sebelum karkas itu dibasuh.
 2. Hanya karkas dan bahagian-bahagiannya yang sihat sahaja yang dibersihkan sehingga memuaskan hati pemeriksa yang mengawasi operasi penyembelihan, boleh diterima sebagai sesuai bagi makanan manusia.

BORANG 3

(Perenggan 8, Seksyen A, Bahagian II)

ORDINAN BINATANG 1953

Kaedah-Kaedah Pemeriksaan Daging 1985

JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN
KEMENTERIAN PERTANIAN
(SEMPERATUR MELAYU)

PERAKUAN PENAHANAN

(Perenggan 8, Seksyen A, Bahagian II, Jadual Ketiga)

Tarikh.....

(Nama dan alamat tuan punya ternakan)

Kamu adalah dengan ini diberitahu bahawa karkas/bahagiannya/organ yang berikut adalah ditetapkan sebagai:

.....
.....

dikenal pasti oleh

dikatakan berasal dari.....

dan dipunyai oleh..... ditahan sementara menunggu pelupusan selanjutnya. Tindakan ini telah diambil sebab

Kamu adalah dilarang daripada menjual, memindahkan, melupuskan atau selainnya membuat urusan dengan barang-barang yang ditahan itu tanpa kebenaran bertulis dari wakil pengadilan.

Tardos et al.

Tanda tangan
Penerima
notis di atas

Tandatangan Pemeriksa

Nama penerima

Nama

Nama Jawatan

(Untuk dikeluarkan dalam tiga salinan, salinan duplikat hendaklah dihantar kepada pemeriksa pengelola bagi rumah sembelih itu).

BAHAGIAN III

PENILAIAN BAGI KEPUTUSAN PEMERIKSAAN DAN
PENENTUAN BAGI KARKAS DAN BAHAGIAN-
BAHAGIANNYA

SEKSYEN A

Penilaian dan Penentuan Ternakan Selain Daripada Ayam-Itik

Mana-mana karkas atau mana-mana bahagiannya yang didapati, pada masa atau berikut daripada pemeriksaan post-mortem, terkena oleh sesuatu penyakit, keadaan atau pencemaran yang akan menyebabkan karkas atau bahagiannya itu menjadi tak layak bagi makanan manusia, maka ianya hendaklah dikondem atau selainnya dikendalikan mengikut cara yang berikut:

1. KEADAAN PATOLOGI ATAU FISIOLOGI AM

(1) *Bau abnormal*

- (a) Karkas yang mempunyai bau mutu makanan abnormal yang kuat hendaklah dikondem. Karkas yang berkeadaan demikian secara tidak teruk boleh ditahan di dalam bilik sejuk bagi pemeriksaan berikutnya dengan ujian pemanas sebagaimana di nyatakan dalam Seksyen E. Karkas hendaklah diluluskan jika tidak ada bau yang dapat dikesan.
- (b) Karkas yang terkena dengan bau ubat yang kuat hendaklah dikondem.
- (c) Karkas yang mengeluarkan bau metabolisme, bau air kencing atau bau seksual abnormal hendaklah dikondem. Karkas yang berkeadaan demikian secara tidak teruk boleh ditahan dalam bilik sejuk bagi pemeriksaan selanjutnya dengan ujian pemanas. Karkas itu hendaklah diluluskan jika tidak ada bau yang dapat dikesan.

(2) *Abrasi, abses, pelekatan dan lebam*

- (a) Jika abrasi, abses, pelekatan dan lebam didapati banyak dan jika ada bukti penglibatan sistemik, karkas itu hendaklah dikondem.
- (b) Jika tidak ada organ yang terkena atau hanya satu bahagian sahaja yang terkena dan tidak ada bukti perubahan sistemik sekunder, organ atau bahagiannya itu hendaklah dikondem dan baki karkas itu boleh diluluskan bagi makanan manusia.
- (c) Pleura atau peritoneum hendaklah ditanggalkan jika terkena pelekatan seperti dalam jangkitan kronik. Organ-organ yang terkena hendaklah dikondem. Karkas itu jika sebaliknya sihat hendaklah diluluskan bagi makanan manusia.

(3) *Anemia*

- (a) Karkas dan bahagian-bahagiannya hendaklah dikondem jika anemia itu teruk dan karkas itu keadaannya sangat buruk, atau jika anemia itu juga diserta dengan bukti penglibatan sistemik.

(b) Jika anemia itu ringan dan jika karkas itu dalam keadaan yang berpatutan, tanpa menunjukkan bukti adanya apa-apa penyakit, karkas itu dan bahagian-bahagiannya hendaklah diluluskan bagi makanan manusia.

(4) *Artritis*

- (a) Jika lesion artritis akut atau bernanah dan terdapat bukti adanya penglibatan sistemik, karkas itu hendaklah dikondem.
- (b) Jika lesion bersifat kronik, setempat, dan tidak terdapat bukti adanya penglibatan sistemik, lesion itu bersama-sama dengan kelenjar limfa yang bercantum hendaklah dipisahkan dan dikondem. Baki daripada karkas itu hendaklah diluluskan bagi makanan manusia.

(5) *Kakeksia*

Sesuatu karkas dan bahagian-bahagiannya hendaklah dikondem jika ia menunjukkan ada emiasi patologik akibat daripada apa-apa sebab juga pun.

(6) *Karkas yang tidak dikeluarkan organ-dalam bagi tempoh yang tidak berpatutan lamanya*

Penentuan hendaklah berdasarkan kepada keputusan post-mortem. Jika unsur masa yang tidak berpatutan lamanya (2 jam atau lebih lama) organ-dalam yang boleh dimakan hendaklah dikondem atau dikenalpasti dengan karkasnya untuk retensi, penyejukan dan pemeriksaan bahagian demi bahagian.

(7) *Karkas yang terkena dengan mana-mana satu daripada keadaan-keadaan yang berikut hendaklah dikondem:*

- (a) inflamasi akut kepada paru-paru, pleura, perikardium, peritonium atau meninges, melainkan jika ianya setempat dan tidak menunjukkan apa-apa tanda penglibatan sistemik;
- (b) septisemia;
- (c) toksemeia;
- (d) piemias yang aktif;
- (e) gangren atau gastritis atau enteritis berdarah yang teruk;
- (f) gangren mastitis yang akut dengan tanda-tanda penglibatan sistemik;
- (g) metritis yang akut dengan tanda-tanda penglibatan sistemik;
- (h) pneumonia gangren, pleurisi atau peritonitis;
- (i) perikarditis, pleuritis dan peritoritis yang septik atau bernanah;
- (j) apa-apa inflamasi akut, abses atau luka bernanah jika disertai dengan perubahan-perubahan sistemik seperti nefritis yang akut, hati berlemak atau degenerasi, limpa bengkak lembut, hiperemia pulmonari

yang teruk, lengkak menyeluruh bagi kelenjar-kelenjar limfa, ikterus, kemerahan kulit, emasiasi, sama ada suatu bahagian sahaja atau gabungan dari satu bahagian dengan yang lain; dan

(k) karkas demam.

(8) *Emasiasi*

Karkas yang berkeadaan emasiasi hendaklah dikondem. Sesuatu karkas tidak boleh dianggap sebagai berkeadaan emasiasi semata-mata oleh sebab bahawa ianya berada dalam keadaan tidak berlemak atau buruk.

(9) *Tekanan Panas*

Karkas daripada binatang-binatang yang menderita kerana strok panas hendaklah diluluskan sebagai layak bagi makanan manusia jika perdarahan cukup dan karkas itu sebaliknya sesuai dimakan. Karkas atau organ yang kongesi dengan teruknya hendaklah dikondem.

(10) *Ikterus*

(a) Karkas dan bahagian-bahagiannya hendaklah dikondem di bawah keadaan yang berikut:

(i) Ikterus kepada sesuatu darjah dengan karkas atau organ-organnya yang menunjukkan bukti degenerasi parenkimatif; atau

(ii) apabila terdapat warna pucuk pisang, kelunturan warna kuning berlaku kepada tisu-tisu superfisial dan tisu-tisu viseral atau lemak ginjal dan bagi membran serosa dan tisu-tisu perantara karkas.

(b) Sesuatu karkas yang menunjukkan ikterus kepada suatu darjah yang lebih rendah hendaklah ditahan dan diperiksa semula selepas sahaja dibuat penyekukan. Jika warna telah menurun ke suatu darjah yang boleh dianggap sebagai boleh diterima, karkas itu hendaklah diluluskan bagi makanan manusia.

(11) *Ketidakmatangan*

Karkas yang menunjukkan bukti ketidakmatangan hendaklah dikondem.

(12) *Kecederaan (termasuk patah)*

Dengan syarat jika karkas itu selainnya dianggap sebagai sihat, dan tidak ada perubahan sistemik sekunder yang dibuktikan (di mana dalam hal demikian karkas itu hendaklah dikondem), bahagian yang cedera hendaklah dipisahkan dan dikondem dan baki daripada karkas itu hendaklah diluluskan bagi makanan manusia.

(13) *Mastitis*

Karkas yang terkena mastitis hendaklah dikondem, jika terdapat bukti adanya penglibatan sistemik. Dalam keskes lain, bahagian yang terkena hendaklah dipisahkan dan dikondem dan baki karkas itu hendaklah diluluskan bagi makanan manusia, jika sebaliknya ia didapati sihat.

(14) *Inflamasi otot*

Karkas yang menunjukkan bukti adanya inflamasi otot hendaklah dikendalikan mengikut yang berikut:

(a) Jika lesion tersebut dengan luasnya dan pemisahannya adalah tidak praktik atau jika terdapat bukti adanya penglibatan sistemik karkas itu hendaklah dikondem; atau

(b) Jika lesion itu setempat dan boleh dipisahkan dengan memuaskan, baki karkas itu hendaklah diluluskan bagi makanan manusia selepas pemisahan dan pengkondeman bahagian-bahagian yang terkena.

(15) *Nekrobasis*

(a) Karkas hendaklah dikondem, jika meluas dan jika terdapat bukti adanya gangguan sistemik.

(b) Jika setempat dan dilihat hanya sebagai suatu kawasan nekrotik atau abses hati dan tiada bukti penglibatan sistemik, hati yang terkena itu hendaklah dikondem. Baki karkas itu hendaklah diluluskan bagi makanan manusia.

(16) *Neoplasma*

(a) Mana-mana organ atau bahagian yang terkena tumor benigna hendaklah dipisahkan dan dikondem dan baki karkas itu hendaklah diluluskan bagi makanan manusia jika karkas itu secara keseluruhannya tidak terkena dan sebaliknya sesuai dimakan.

(b) Mana-mana organ atau bahagian yang tersendiri hendaklah dipisahkan dan dikondem jika ianya terkena dengan sesuatu neoplasma malignan dan baki karkas itu hendaklah diluluskan bagi makanan manusia jika neoplasma itu primer, tanpa bukti metastasis, atau gangguan fungsi-fungsi badan yang normal dan jika tidak ada perubahan sekunder (serapan serosa atau yang seumpama dengannya) dan karkas itu sebaliknya sesuai dimakan dan layak bagi makanan manusia. Keseluruhan karkas itu hendaklah dikondem jika neoplasma itu meluas, melibatkan otot-otot, rangka atau kelenjar-kelenjar limfa badan atau jika ada bukti metastasis atau ada emasiasi.

(17) *Edema*

(a) Karkas dan bahagian-bahagiannya hendaklah dikondem jika keadaannya keterlaluan dan dicorakkan oleh edema yang meluas (seperti hidrotoraks atau anasaraka), atau jika ianya disertai dengan emasiasi.

(b) Jika keadaannya setempat, atau luasnya terbatas, bahagian-bahagian yang terkena hendaklah dipisahkan dan dikondem dan baki karkas itu hendaklah diluluskan bagi makanan manusia jika ia sebaliknya sesuai dimakan.

(18) *Omfaloflebitis*

Karkas yang terkena omfaloflebitis hendaklah dipisahkan apabila terdapat bukti penglibatan sistemik. Dalam keses lain bahagian-bahagian yang terkena hendaklah dipisahkan dan dikondem dan baki karkas itu hendaklah diluluskan bagi makanan manusia jika ia sebaliknya sesuai dimakan.

(19) *Pigmentasi*

Mana-mana bahagian yang terkena daripada suatu karkas atau organ yang menunjukkan pigmentasi seperti karcinosis hati, melanosis (pigmentasi hitam), osteohematochromatosis (kemerah-merahan coklat pudar bagi tulang, hati dan limpa lembu dan babi), okronosis (coklat gelap atau hitam pudar bagi kondilrawan, ligamen, tendon dan kapsul sendi) atau xanthosis (atrofi coklat bagi otot-otot), hendaklah dipisahkan dan dikondem. Apabila pemisahan sepenuhnya bagi bahagian-bahagian terkena tidak boleh disempurnakan atau penglibatan karkas itu adalah secara menyeluruh, ia hendaklah dikondem. Penglibatan rangka sahaja menghendaki pembuangan tulang karkas itu dan pengkondeman tulangnya.

(20) *Keadaan kulit*

Karkas yang terkena kurap, kuping atau penyakit kurap di peringkat yang lebih teruk, yang menunjukkan adanya emiasi, kakeksia atau inflamasi yang meluas bagi daging hendaklah dikondem. Apabila penyakit itu ringan, bahagian yang terkena hendaklah dipisahkan dan dikondem dan baki karkas itu hendaklah diluluskan bagi makanan manusia jika ia sebaliknya sesuai dimakan.

(21) *Pelbagai Keadaan*

Hati yang ditentukan sebagai telangiectatik "abuk kayu" atau "angiomatosis", jika terkena secara meluas hendaklah dikondem. Jika lesion sedikit dan hampir sederhana, bahagian-bahagian yang terkena hendaklah dipisahkan dan dikondem dan baki hati itu diluluskan bagi makanan manusia.

2. KEADAAN ATAU PENYAKIT PATHOLOGIK YANG TERTENTU

(1) *Penyakit berjangkit yang tertentu*

Karkas binatang-binatang yang terkena mana-mana daripada penyakit-penyakit berjangkit yang berikut hendaklah dikondem:

- (a) hawar berdarah;
- (b) demam katahal malignan bovin;
- (c) melioidosis;
- (d) salmonelosis; atau
- (e) demam babi.

(2) *Aktinobasilosis dan aktinomikosis*

Suatu karkas yang terkena sama ada dengan aktinobasilosis atau aktinomikosis hendaklah dikondem jika lesion itu menyeluruh. Jika lesion itu setempat, bahagian-bahagian yang dijangkiti dan kelenjar-kelenjar limfanya yang berkaitan hendaklah dipisahkan dan dikondem, dan baki karkas itu jika sebaliknya sesuai dimakan hendaklah diluluskan bagi makanan manusia.

(3) *Anaplasmosis dan babesiosis*

Binatang-binatang yang terkena anaplasmosis atau babesiosis hendaklah dikendalikan seperti berikut:

- (a) jika keadaannya akut dan disertai oleh bukti demam, ikterus yang teruk, atau penglibatan sistemik, karkas itu hendaklah dikondem; atau
- (b) jika keadaannya kronik atau menunjukkan tandatanda pemulihan dan tidak ada tanda-tanda gangguan sistemik selain daripada ikterus yang ringan, karkas itu hendaklah diluluskan bagi makanan manusia, dengan syarat bahawa karkas itu dikenalpasti dan disejukkan dalam keadaan ikterik yang tidak nampak lagi atau telah turun hingga ke darjah yang boleh diterima oleh pemeriksa yang menjalankan pemeriksaan.

(4) *Bruselosis*

(a) Jika ada tanda-tanda penglibatan sistemik, karkas itu hendaklah dikondem.

(b) Jika karkas itu selainnya sesuai dimakan tetapi menunjukkan terdapat lesion bruselosis setempat sahaja, maka ia hendaklah diluluskan bagi makanan manusia, selepas pemisahan dan pengkondeman kelenjar-kelenjar susu, uterus atau testikel dan bahagian-bahagian lain yang terkena.

(5) *Limfadenitis Kaseus*

Karkas dan bahagian-bahagiannya yang terkena dengan limfadenitis kaseus hendaklah dikendalikan seperti berikut:

- (a) Keseluruhan karkas itu hendaklah dikondem apabila penyakit itu meluas dan tidak terbatas kepada satu jangkitan primer, dan terdapat penglibatan sistemik, atau disertai dengan emiasi; atau
- (b) jika penyakit itu ringan atau terbatas kepada kelenjar limfa badan maka kelenjar yang terkena itu hendaklah dipisahkan dan dikondem, dan bakiya hendaklah diluluskan bagi makanan manusia jika sebaliknya ia adalah sesuai dimakan.

(6) *Penyakit Johne*

Karkas yang disyaki terkena penyakit ini hendaklah dikendalikan seperti berikut:

- (a) jika karkas itu berkeadaan enasi atau terdapat bukti adanya perubahan sistemik karkas itu dan semua bahagiannya yang boleh dimakan hendaklah dikondem; atau
- (b) jika binatang itu berada dalam keadaan yang baik dan tidak ada bukti penglibatan sistemik, karkas itu hendaklah diluluskan bagi makanan manusia.

(7) *Leptospirosis*

Karkas yang disyaki terkena penyakit ini dengan adanya bukti ikterus, anemia dan hemoglobinuria hendaklah dikondem.

(8) *Penyakit-parasitik*

Karkas yang menunjukkan bukti infestasi dengan penyakit parasitik hendaklah dilupuskan seperti berikut:

(a) *Sistiserkus bovis*—

(i) Sesuatu karkas yang diinfestasi ke takat di mana kebanyakannya otot-otot yang dihiris menunjukkan terdapatnya satu sista atau lebih, atau yang padanya muskulatur menjadi pudar atau berair, hendaklah dikondem.

(ii) Karkas yang menunjukkan infestasi yang sedikit dan hampir sederhana (di mana sistis-sista didapati di tempat-tempat yang cenderung dengan sista-sista yang terpisah di tempat-tempat lain) hendaklah diluluskan setelah pemisahan sista-sista dan tisu-tisu di sekitarnya, dan disimpan dalam tempat penyejuk pada suhu yang tidak lebih daripada -10°C terus-menerus untuk suatu tempoh yang tidak kurang dari 10 hari.

(b) *Sista Hidatid*—

Karkas yang terkena dengan keadaan ini hendaklah dikendalikan seperti berikut:

(i) Jika keadaannya adalah menyeluruh dan didapati dalam tisu-tisu otot sebagai tambahan kepada organ-organ; atau jika infestasi organ-organ itu adalah teruk dan karkas yang berkeadaan buruk, karkas itu hendaklah dikondem.

(ii) Organ-organ yang terkena dengan sista-sista hendaklah dikondem.

(c) *Sistiserkus tenuikolis*—

Hati hendaklah dikondem jika lesion itu disebabkan oleh lalai cacing yang bertaburan dan berlebihan. Jika lesion itu setempat dan boleh dipisahkan dengan sempurnanya, baki hati itu hendaklah diluluskan selepas pemisahan dan pengkondeman bahagian-bahagian yang terkena.

(d) *Fasiola sp. (cacing pipih hati)*—

- (i) Karkas yang menunjukkan infestasi hati yang akut dan teruk akibat gangguan sistemik binatang, yang dicorakkan oleh edema, ikterus atau kemerosotan keadaan badan yang berlebihan, hendaklah dikondem.
- (ii) Hati yang dijangkiti hendaklah dikondem, jika ianya tidak dapat dikemaskan dengan memuaskan hati.

(e) *Stefanutus dentatus*—

- (i) Suatu karkas yang menunjukkan infestasi yang akut dan berlebihan akibat daripada pembesaran dan edema bagi kelenjar limfa superfisial atau kemasukan otot-otot sublumbar dan mengandungi abses-abses berserta dengan emiasi yang teruk pada binatang itu, hendaklah dikondem.
- (ii) Hati yang dijangkiti dengan teruknya hendaklah dikondem. Jika lesion hati itu fibrotik dan sedikit, ia hendaklah dikemaskan dan baki hati itu hendaklah diluluskan bagi makanan manusia.
- (iii) Sekiranya infestasi itu setempat, bahagian-bahagian yang terkena hendaklah dipisahkan dan dikondem. Baki karkas itu hendaklah diluluskan lagi makanan manusia.

(f) *Infestasi parasitik perut dan usus*—

- (i) Sesuatu karkas yang menunjukkan infestasi yang teruk oleh parasit-parasit usus dan memberi akibat pada anemia, merosot, atau tandanya toksemia hendaklah dikondem.
- (ii) Usus-usus yang kepadanya spesies esofagustomun telah menyebabkan pembentukan nodul-nodul yang berlebihan pada dinding usus (usus berjerawat) hendaklah dikondem.

(g) *Cacing-cacing paru*—

- (i) Suatu karkas yang menunjukkan infestasi yang teruk dengan cacing-cacing paru yang memberi akibat pada anemia, edema atau emiasi hendaklah dikondem.
- (ii) Paru-paru yang terkena cacing-cacing paru hendaklah dikondem.

(h) Onkoserka gibsoni (nodul daging lembu)—

Karkas yang terkena onkoserka gibsoni hendaklah diluluskan bagi makanan manusia selepas pemisahan dan pengkondeman lesion-lesion yang boleh dilihat dengan jelas.

(i) Sarkosporida—

(i) Karkas yang dijangkiti secara meluas dengan sarkosporida ke takat di mana pemisahan dengan sempurnanya bagi semua bahagian yang terkena tidak boleh dilakukan hendaklah dikondem.

(ii) Jika infestasi itu terbatas kepada beberapa organ atau kepada satu bahagian karkas sahaja, maka karkas itu hendaklah diluluskan bagi makanan manusia selepas pemisahan dan pengkondeman bahagian-bahagian yang terkena.

(j) Cacing pipih perut—

Hati yang dijangkiti dengan cacing pipih perut hendaklah dikondem, melainkan jika infestasi itu sedikit dan kawasan yang terkena boleh dipisahkan dan dikondem dengan sempurnanya.

(k) Eleofora poeli—

Aorta yang terkena hendaklah dipisahkan dan dikondem.

(9) Erisipelas babi

(a) Karkas yang terkena erisipelas babi yang akut atau yang menyeluruh hendaklah dikondem.

(b) Karkas yang terkena simptom-simptom yang ringan atau kronik apabila lesion kulit sahaja yang ada dan dengan syarat karkas itu selainnya sesuai dimakan, hendaklah diluluskan bagi makanan manusia selepas pemisahan dan pengkondeman kawasan-kawasan kulit yang terkena.

(10) Tuberkulosis

Karkas yang terkena tuberkulosis hendaklah ditentukan mengikut kaedah-kaedah yang berikut:

(a) Pengkondeman sepenuhnya—

Sesuatu karkas dan semua bahagian yang boleh dimakan hendaklah dikondem apabila mana-mana satu daripada syarat-syarat yang berikut dipenuhi:

(i) Penyeluruhan yang baru seperti tuberkel miliar aktif yang baru dalam mana-mana organ atau bahagian karkas, atau lesion aktif yang meluas dalam organ-organ atau mana-mana bahagian badan.

(ii) Perubahan-perubahan kaseus yang baru dalam lesyon tuberkulos berserta dengan inflamasi hiperemia dalam organ-organ atau kelenjar-kelenjar limfa.

(iii) Lesion tak-aktif yang meluas dalam organ-organ, kelenjar-kelenjar limfa intermuskular, tulang, sendi, sistem saraf pusat, atau dalam daging, yang menunjukkan suatu serangan sistemik besar yang dahulu.

(iv) Tuberkulosis membran serosa yang merebak.

(v) Tuberkulosis kongenital.

(vi) Suatu lesion tuberkulos (aktif atau selainnya) dalam suatu karkas yang diemasiasi.

(b) Pengkondeman sebahagian—

Apabila keadaan dianggap sebagai setempat atau apabila penahan badan menunjukkan bukti telah mengawal dan membataskan jangkitan, karkas itu hendaklah diluluskan bagi makanan manusia selepas pemisahan dan pengkondeman organ atau bahagian yang terkena, menurut yang berikut:

(i) Organ-organ tuberkulos atau organ-organ dengan tuberkulosis dalam kelenjar-kelenjar limfa yang ada berserta hendaklah dikondem. Dalam kes tuberkulosis dalam kelenjar-kelenjar limfa mesenterik, mesenteri, perut dan usus itu hendaklah dikondem.

(ii) Kepala hendaklah dikondem jika tuberkulosis yang aktif didapati dalam mana-mana satu kelenjar-kelenjar limfanya. Dalam kes lesion berkapur yang kecil dalam kelenjar limfa yang tidak dibesarkan, kepala dan lidah hendaklah diluluskan selepas pemisahan kelenjar yang terkena dan juga tisu-tisu yang berhampiran.

(iii) Suatu lesion dalam paru-paru, berserta dengan suatu lesion pelarut yang terhad bagi pleuranya yang berdampingan hendaklah mengakibatkan penanggalan pleura dan pengkondeman paru-paru dan kelenjar-kelenjar limfa yang berserta. Dalam kes ini lesion pleura ini tidak boleh melebihi satu kawasan yang dihadkan dengan anggaran 100 sentimeter persegi. Sekiranya kawasan pleurasi ini melebihi penghadan ini, atau jika tuberkulosis paru-paru itu meluas, bahagian suku hadapan yang terkena termasuk paru-paru, jantung, esofagus dan diafragma hendaklah dikondem.

- (iv) Pleurisi tuberkuler meresap yang kronik adalah memerlukan pengkondeman bagi bahagian suku hadapan yang terkena termasuk paru-paru, jantung, esofagus dan diafragma.
- (v) Peritonitis tuberkuler meresap yang kronik adalah memerlukan pengkondeman peritoneum, berserta dengan tisu berlemak yang terletak di bawah dan kelenjar-kelenjar limfa, sebagaimana juga dengan kedua-dua rusuk nipis dan diafragma.
- (vi) Lesion tuberkulos tak-aktif dalam kelenjar-kelenjar limfa badan adalah memerlukan pengkondeman bagi kelenjar-kelenjar yang terkena dan bagi bahagian yang baginya ia mengalir.

SEKSYEN B***Penentuan Karkas Ayam-Itik dan Bahagian-Bahagiannya***

Karkas atau bahagian-bahagian bagi semua ayam-itik yang diperiksa di rumah sembelih dan didapati pada masa pemeriksaan post-mortem, atau pada bila-bila pemeriksaan kemudiannya, sebagai terkena apa-apa penyakit atau keadaan hendaklah dikenalikan menurut yang berikut:

1. KEADAAN-KEADAAN ABNORMAL AM**(1) Jangkitan-jangkitan sak udara**

- (a) Jika lesion itu teruk dan karkas itu diemasiasi atau terdapat gangguan sistemik maka keseluruhan karkas itu hendaklah dikondem.
- (b) Jika lesion itu ringan dan terhad bahagian karkas yang terkena hendaklah dipisahkan dan dikondem, dan baki karkas itu hendaklah diluluskan bagi makanan manusia jika ia selainnya sesuai dimakan.

(2) Lebam-lebam

- (a) Keseluruhan karkas hendaklah dikondem jika lebam-lebam teruk dan meluas.
- (b) Jika hanya sebahagian sahaja daripada karkas itu yang lebam maka hanya bahagian itu sahaja yang perlu dipisahkan dan dikondem, dan baki karkas itu hendaklah diluluskan bagi makanan manusia.

(3) Residu biologi

Semua karkas, organ atau bahagiannya hendaklah dikondem jika ditentukan bahawa masing-masingnya mengandungi residu-residu biologi.

(4) Bangkai

Karkas-karkas yang menunjukkan bukti telah mati dengan sebab-sebab selain daripada sembelihan hendaklah dikondem.

(5) Pencemaran

